



LAPORAN 2 TAHUNAN 0 ANNUAL 1 REPORT 5



KANDUNGAN CONTENTS

- 04** LATAR BELAKANG
BACKGROUND
- 05** PERUTUSAN PENERUSI LEMBAGA PENGURUSAN
MESSAGE FROM CHAIRMAN BOARD OF MANAGEMENT
- 07** PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MESSAGE FROM THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER
- 09** CARTA ORGANISASI
ORGANIZATION CHART
- 10** AHLI LEMBAGA PENGURUSAN
THE BOARD OF MANAGEMENT
- 11** PENGURUSAN
THE MANAGEMENT
- 19** BERITA UTAMA TAHUN 2015
HIGHLIGHTS FOR THE YEAR 2015
- 33** AKTIVITI-AKTIVITI
ACTIVITIES
- 51** RINGKASAN STATISTIK PERKHIDMATAN KORPORAT
CORPORATE MANAGEMENT STATISTICAL SUMMARY
- 55** RINGKASAN STATISTIK PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN
LIBRARY SERVICES STATISTICAL SUMMARY
- 65** RINGKASAN STATISTIK PERKHIDMATAN DEPOSITORI
DEPOSITORY SERVICES STATISTICAL SUMMARY
- 70** PENYATA KEWANGAN
FINANCIAL STATEMENT



PUSTAKA NEGERI SARAWAK
SARAWAK STATE LIBRARY

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium,
93050 Petra Jaya, Kuching
Sarawak, Malaysia

Tel: 6 082-442000
Faks/Fax: 6 082-449944

PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI
SARAWAK STATE LIBRARY, MIRI

Jalan Kipas, Miri City Fan,
98000 Miri,
Sarawak, Malaysia

Tel: 6 085-422525
Faks/Fax: 6 085-414444



REPOSITORI REKOD NEGERI
STATE RECORDS REPOSITORY

Jalan Sultan Tengah,
93050 Petra Jaya, Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel : 6 082-440488
Faks/Fax : 6 082-440484

LATAR BELAKANG

BACKGROUND

VISI / VISION


Menjadi wadah maklumat dan pengetahuan kepada negeri Sarawak.
To be the reservoir and fountain of information and knowledge to the State.

MISI | MISSION

Memberi capaian kepada sumber maklumat dan memelihara warisan intelek negeri Sarawak untuk masyarakat di Sarawak.
To provide access to information resources and to preserve Sarawak's intellectual heritage for the people of Sarawak.

OBJEKTIF | OBJECTIVE

Menggalakkan pembudayaan ilmu pengetahuan di negeri Sarawak.
To promote acculturation of knowledge in the State.



PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pengurusan

MESSAGE FROM CHAIRMAN BOARD OF MANAGEMENT



Pembaca yang dihormati,

Selamat Ulang Tahun ke-15 Pustaka! Dengan sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan 2015 Pustaka. Fokus tahun 2015 masih lagi ke arah Pustaka sebagai Pusat Rujukan Negeri.

Adalah menjadi hasrat dan harapan kami agar setiap yang ditawarkan oleh Pustaka akan dimanfaatkan oleh rakyat Sarawak. Segala kemudahan yang telah diwujudkan oleh Pustaka harus digunakan secara meluas. Seperti mana kemudahan terkini yang sedia ada, ianya banyak melibatkan kos dari segi kewangan dan lain-lain. Matlamat kami ialah untuk menyediakan lebih banyak lagi kemudahan dan untuk kekal relevan kepada komuniti. Kami telah membina tempat yang indah dan boleh dikatakan bahawa kami merupakan satu-satunya perpustakaan yang paling unik di dunia, dengan taman dan tasik yang menjadi sebahagian daripada perpustakaan di bandar. Tidak banyak bandar-bandar yang mempunyai kemudahan mewah seperti ini. Idea ini sudah tentu bukan sahaja membina minda, tetapi badan juga, mereka adalah saling berkaitan. Seperti kata pepatah, 'badan yang sihat, minda cerdas'. Taman ini dibuka untuk kegunaan komuniti.

Kami mahu tempat ini menjadi pusat biodiversiti. Kami merancang untuk mempunyai setiap pokok tempatan yang boleh didapati di iklim tropika untuk ditanam di sini supaya anak-anak kita boleh datang dan besar-siar di taman serta belajar, melihat dan menyentuh pokok-pokok, terutamanya pokok yang jarang ditemui seperti belian, mangris, alangbatu, tekoma termasuklah pelbagai jenis buah-buahan tempatan seperti manggis, angkala, dan sebagainya. Bayangkan jika tempat ini akan menjadi pusat tarikan biodiversiti di mana kanak-kanak dan orang dewasa sama-sama berkunjung untuk bersukan dan mengadakan aktiviti-aktiviti rekreasi.

Perpustakaan kini tidak lagi hanya tempat di mana kita mempunyai koleksi buku, artifak, gambar dan karya seni. Ia merupakan tempat untuk aktiviti komuniti membaca, membuat penyelidikan, mengadakan mesyuarat, mengadakan aktiviti kebudayaan, majlis perkahwinan, sambutan hari jadi, rekreasi serta banyak lagi. Lebih banyak lagi untuk kita capai.

Dalam tempoh 15 tahun akan datang, kita akan melihat perkara-perkara berikut:

- Penggunaan teknologi baru. Rancangan untuk ICT adalah untuk "menyokong pembelajaran, imaginasi dan inovasi".
- Mengembangkan sistem pengkomputeran *Cloud* kepada aplikasi produktiviti dan penyimpanan *Cloud*.
- Mentransformasikan *client server based Government apps* di Pustaka kepada *Web based apps*.
- Migrasi kepada *digital book web based*, yang boleh dimuat turun untuk *kindle* dan *tablet*.
- Mengadakan kolaborasi dengan rakan-rakan Sarawak secara global bagi sumbangan bahan-bahan sejarah.
- Meneruskan penyelidikan dan menyalin maklumat sejarah berkenaan Sarawak yang masih terdapat di kawasan tempatan, wilayah dan arkib antarabangsa.
- Dengan tujuan – membina bangunan Arkib Negeri.
- Memelihara rekod awam Kerajaan Negeri Sarawak dan warisan arkib untuk rakyat Sarawak.
- Menyiapkan Pustaka Sibui.
- Menyokong *knowledge-based society* yang mengamalkan budaya membaca dan pembelajaran sepanjang hayat selaras dengan perkembangan global yang pesat melalui sumber pendidikan dalam talian.
- Memastikan khazanah Intelek Sarawak boleh diakses terus ke peranti anda melalui pendigitalan koleksi yang pelbagai.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah menyokong kami sepanjang 15 tahun kami beroperasi dan kepada anda yang telah setia bersama kami dan menggunakan sepenuhnya kemudahan dan perkhidmatan kami. Kami akan sentiasa memberikan perkhidmatan kepada anda meskipun dalam tempoh 15 tahun yang akan datang.

YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo
Pengerusi Lembaga Pengurusan
Pustaka Negeri Sarawak

Dear readers,

Happy 15th Anniversary to Pustaka! I am pleased to present to you Pustaka's 2015 Annual Report. The focus for the year 2015 is still centred on Pustaka as the Centre of Reference for the State.

It is our desire and hope that Pustaka and what it has to offer can be meaningfully utilised by the people of Sarawak. All the facilities that Pustaka has put in place should be used extensively. As any state-of-the-art facilities such as this, it has been costly both in monetary and other terms. Our way forward is we want to provide a lot more and to stay relevant to the community. We have built a beautiful place and I think we can agree that we are one most unique library in the world, with the park and the lake being part of the library in the city. Not many cities have this kind of luxury. The idea is of course not just the building of the mind, but it is the body as well, they are very much interrelated. As the saying goes, 'healthy body, healthy mind'. The park is open for community uses.

We want this place to be what is now termed as a hotspot of biodiversity. It is our plan to have every local tree that is available in the tropical climate to be grown here so that our children can come here and walk in the park and learn and see and touch the trees, especially those rare ones, such as belian, mangris, alangbatu, tekoma, including the variety of our local fruit such as mangosteen, angkala, etc. Just imagine a hotspot of biodiversity where children and adults could come for exercise and recreational activities.

Library is now no longer just a place where we have collections of books, artefacts, pictures, and artworks. It is a place for community activities reading, research, meeting, culture, wedding, birthday and recreations and many more. There is more for us to achieve.

In the next 15 years, we will be looking at the followings:

- Embrace new technologies. The plan for ICT is to "support learning, imagination and innovation".
- Expand Cloud computing to productivity apps and cloud storage.
- Transform client server based Government apps in Pustaka to Web based apps.
- Migrate to digital book web based, downloadable for kindle and tablets.
- Have more collaborations with friends of Sarawak globally for donations of historical materials
- Continue researching and copying of historical information on Sarawak residing in local, regional and international archive
- Have a purpose - built State Archive building
- Preserve of public records of Sarawak State government and the archival heritage of the people of Sarawak

- Complete Pustaka Sibuh
- Support a knowledge-based society that practices reading culture and lifelong learning in line with the rapid global expansion of online education resources.
- Ensure Sarawak's Intellectual treasures are accessible direct to your device through digitization of these rich collections.

Finally, as always, I wish to Thank You those who have supported us in the last 15 years of our operation and You who have been faithfully becoming our patron and make full use of our facilities and services. We look forward to be of service to you in the next 15 years to come.e.



YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo
Chairman of the Board of Management
Pustaka Negeri Sarawak

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MESSAGE FROM THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER



Pembaca yang dihormati,,

Kami telah menyambut ulang tahun ke-15 Pustaka pada tahun 2015. Kami memulakan sambutan tahun baru dengan sambutan gilang gemilang di Malam Tahun Baru, sebagaimana Pustaka mula dilancarkan pada malam tahun baru 2000, tetapi pada skala yang lebih kecil. Program-program kami untuk tahun ini telah diadakan untuk memperingati tahun ke-15 Pustaka dalam perkhidmatan untuk rakyat Sarawak.

PENCIPTAAN ILMU

Sebagai pusat kecemerlangan bagi Sarawakiana, program-program seperti pertandingan Warisan Budaya Tempatan, Minggu Warisan Borneo, Minggu Warisan Bumi Kenyalang, yang mempamerkan ceramah mengenai "Pua Kumbu dan Revolusi" dengan demonstrasi oleh penenun berpengalaman berbangsa Iban dari Kapit dan tradisional "tatu tangan " merupakan antara acara kemuncak. Ceramah Sarawakiana kami mengenai "Perang Dunia II Operasi' Semut ' – Wira Tidak Didendang", telah diadakan bersempena dengan ulang tahun ke-70 warisan sejarah memperingati pendaratan payung terjun pertama komando di Bario semasa pendudukan Jepun. Program *Sarawak Author's Highlight* kami bersama penulis Jais Sahok dan kami juga mengadakan bengkel cerita pendek untuk orang awam, pameran hasil kerja beliau serta sesi ulasan buku adalah antara yang telah diadakan. Dari segi rekod dan arkib, Pustaka juga telah diberi penghormatan untuk menjadi antara panel hakim untuk Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Rekod untuk peringkat Majlis /Dewan Bandaraya.

PENERAPAN BUDAYA MEMBACA DAN MEMBINA MASYARAKAT BERASASKAN PENGETAHUAN

Penggalakkan membaca dan membina sebuah masyarakat yang membaca merupakan salah satu program teras. "Festival Sastera Pustaka Bookaroo Kanak-kanak" telah diadakan, untuk kali kedua sejak tahun 2014. Ia merupakan satu platform untuk kanak-kanak dan pencinta buku untuk bertemu dan berinteraksi dengan kanak-kanak tempatan dengan penulis buku dari luar negara, ilustrator dan tukang cerita di bawah satu bumbung, satu kerjasama dengan *Bookaroo Trust of New Delhi, India*. Kami meraikan sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia dengan mengadakan program "Jom Baca Bersama selama 10 minit", program tahunan dengan kerjasama semua perpustakaan Negeri di Malaysia. Akhir sekali, kami telah mengajurkan *International Knowledge Conference 2015*

(IKC2015) sebagai program utama yang diketengahkan sempena ulang tahun ke-15 kami. Seramai 24 orang pembentang kertas kerja dan penceramah kenamaan antarabangsa telah hadir.

PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

Untuk tambahan kepada pembangunan perpustakaan desa , Perpustakaan Desa Semera, Kota Samarahan telah dirasmikan pada 11 Oktober 2015. Projek adalah satu perkongsian pintar antara Perpustakaan Negara Malaysia, Pustaka, Majlis Daerah Samarahan dan Jawatankuasa Keselamatan, Kemajuan Kampung, dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Di Pustaka Negeri Sarawak, kami telah menaik taraf kemudahan dan tinjauan fizikal perpustakaan, iaitu: menaik taraf Bandwidth dengan kelajuan sehingga 100Mbps, kiosk E-Newspaper untuk melayari mana-mana akhbar dalam talian tempatan dan antarabangsa dan juga majalah. Perkhidmatan Infotek Kanak-Kanak telah diperluaskan dengan penggunaan tablet pintar, bilik bercerita dilengkapi dengan peralatan tayangan video, permainan pendidikan dan hiburan.

REKREASI

Pustaka telah menjadi hos untuk "Sukan Perpustakaan Awam Se-Malaysia" (SPASM) Karnival Sukan yang diadakan dua (2) tahun sekali, di antara negeri-negeri. Pustaka bukan sahaja berjaya menganjurkannya, malah Pustaka telah muncul sebagai juara secara keseluruhan !! Pustaka memenangi 7 emas dan 3 pingat gangsa. Sebanyak 8 permainan telah dipertandingkan termasuk Bola Tampar, Futsal , Bola Jaring dan Dart. Lebih 500 peserta lelaki dan wanita dari 13 negeri telah mengambil bahagian dalam temasya sukan ini.

Ia sememangnya satu lagi tahun yang diingati untuk Pustaka terutamanya kerana kami meraikan tahun ke-15 dalam kewujudan. Kami akan terus berusaha untuk penambahbaikan utama dalam perkhidmatan kami, dan untuk menyelaraskan strategi dan inisiatif kami untuk memenuhi pengetahuan dan maklumat keperluan rakyat Sarawak, mencapai Visi kami untuk menjadi Wadah Maklumat dan Pengetahuan kepada Negeri Sarawak.

Hajah Rashidah Haji Bolhassan
Ketua Pegawai Eksekutif
Pustaka Negeri Sarawak

Dear readers,

We celebrated Pustaka's 15th year anniversary in 2015. We started with a glorious kick-start of this celebration on New Year's Eve as how Pustaka was launched on the New Year's Eve of 2000, but on a smaller scale. Our programs for the year were held in commemoration of Pustaka's 15th year in service for the people of Sarawak.

KNOWLEDGE CREATION

As a centre of excellence for Sarawakiana, programs such as Local Content competition, Borneo Heritage Week, Land of the Hornbills Heritage Week, which showcased a talk on "Pua Kumbu and Its Revolution" with demonstrations by Iban master weavers from Kapit and the traditional "Hand-Tap Tattoo" were among the highlights. Our Sarawakiana Talk on "WWII Operation 'Semut' – The Unsung Heroes", was held in conjunction with the 70th anniversary of the historical heritage commemorating the first parachute landing of the commandos at Bario during the Japanese occupation. Our Sarawak Author's Highlight programs with Jais Sahok also included a short story workshop for the public, exhibitions on his work as well as a book review session was among those held. In terms of the records and archives, Pustaka too was given the honour to be among the panel of judges for the Excellence Records Management Award for the local councils.

INCULCATION OF READING AND BUILDING A KNOWLEDGE-BASED SOCIETY

Promoting reading and building a reading society is one of our core programs, "Pustaka Bookaroo Children's Literature Festival" was held, for the second time since 2014. It was a platform for children and book lovers to meet and interact with local and foreign children's book authors, illustrators and storytellers under one roof, a collaboration with the Bookaroo Trust of New Delhi, India. We celebrated International Book and Copyright Day Celebration by having "Let's Read Together for 10 Minutes", our annual program in collaboration with all State libraries in Malaysia. Finally, we organized a Knowledge Conference 2015 (IKC2015) as the main highlight of our 15th anniversary. A total of 24 paper presenters and international renowned keynote speakers were present.

LIBRARY DEVELOPMENT

To add to the development of village libraries, Perpustakaan Desa Semera, Kota Samarahan was launched on 11th October 2015. This project was a smart partnership between the National Library, Pustaka, Samarahan District Council and Village Development and Security Committees (JKKK), funded by the Federal government. At Pustaka Negeri Sarawak, we upgrade the facilities and physical outlook of the library, namely: Bandwidth upgrade with a speed of up to 100Mbps, E-Newspaper kiosk for browsing any local and international online newspapers and magazines. Children Infotheque Services has been expanded with the use of smart tablets, a storytelling room equipped with video screening equipments and edutainment games.

RECREATIONAL

Pustaka hosted the 21st bi-annual "Sukan Perpustakaan Awam Se-Malaysia" (SPASM) the inter-state library sports carnival. Our achievement was not just in successfully organizing it, Pustaka emerged as the overall champion!! Pustaka won 7 gold and 3 bronze medals. A total of 8 games were being contested including Volleyball, Futsal, Netball and Dart. Over 500 men and women from 13 states participated at the games.


It was indeed another memorable year for Pustaka especially as we celebrate our 15th year in existence. We will continue to strive for improvements, foremost in our services, and to align our strategies and initiatives to meet the knowledge and information needs of the people of Sarawak, achieving our Vision to be the Reservoir and Fountain of Knowledge for the State.



Hajah Rashidah Haji Bolhassan
Chief Executive Officer
Pustaka Negeri Sarawak

CARTA ORGANISASI

ORGANIZATION CHART



AHLI LEMBAGA PENGURUSAN

THE BOARD OF MANAGEMENT



YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo

Pengerusi, Lembaga Pengurusan
Pustaka Negeri Sarawak
*Chairman of the Board of Management
Pustaka Negeri Sarawak*



**YB Tan Sri Datuk Amar Haji
Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani**

Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
Sarawak State Secretary



**YBhg. Datu Haji Misnu
Haji Taha**

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri
Deputy State Secretary



**YBhg. Dr. Haji Abdul
Rahman Deen**

Pengarah
Unit Pembangunan Tenaga Kerja Sarawak
Director Workforce Development Unit



**YBhg Puan Nafisah
Binti Ahmad**

Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
*Director General
National Library of Malaysia*



**YBhg Assoc. Prof Dr. Shahren
Ahmad Zaidi Aduce**

Pengarah
Institut Pengajian Asia Timur
Universiti Malaysia Sarawak
*Director
Institute of East Asian Studies
Universiti Malaysia Sarawak*



**YBhg. Datuk Alfred
Yap Chin Loi**

Peguam
Yap & Co. Advocates
Advocates & Solicitors
*Lawyer
Yap & Co. Advocates
Advocates & Solicitors*



**YBhg. Dr Rita
Manurung**

Ahli Lembaga Pengurusan
Board Member

PENGURUSAN THE MANAGEMENT



Hajah Rashidah Haji Bolhassan

Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer



Japri Bujang Masli

Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan
Head of Sector, Library Services



Nesly Rebid Abdullah

Ketua Sektor Pengurusan Korporat
Head of Sector, Corporate Management



Arpah Adenan

Ketua Sektor Perkhidmatan Depositori
Head of Sector, Depository Services



Wan Mazli Wan Razali

Ketua Sektor Teknologi
Maklumat & Komunikasi
*Head of Sector, Information &
Communication Technology*



Hajah Salina Haji Zawawi

Ketua Sektor
Pustaka Negeri Sarawak, Miri
*Head of Sector,
Pustaka Negeri Sarawak, Miri*

PUSTAKA NEGERI SARAWAK



- | | | |
|------------------------------------|----------------------------------|--------------------------------|
| 1. Alya Faeeqah Hamali | 26. Vincent Jinap | 51. Nur Asikin Ahmad |
| 2. Nor Juliet Munyung Abdullah | 27. Hayati Haji Sabil | 52. Maurice Braoh |
| 3. Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad | 28. Nor Diana Nawawi | 53. Mohd. Lokman Hamzah |
| 4. Japri Bujang Masli | 29. Siti Khairunnisa Rosli | 54. Fatimah yahya |
| 5. Hajah Rashidah Haji Bolhassan | 30. Norlailawaty Ismail | 55. Ainie Umairah Lee Abdullah |
| 6. Arpah Haji Adenan | 31. Rozana Octovia | 56. Haslizawati Johan |
| 7. Drang Jite | 32. Nor-Asemah Drahman | 57. Veronica Edward Sidi |
| 8. Kian Ak Tungku | 33. Mohd. Eqbal Mahmud | 58. Rina Rimong |
| 9. Shafinaz Afidia Andrew Affendi | 34. Khuzainah Khalid | 59. Ismewatti Haji Narawi |
| 10. Jeysi Halmi | 35. Mohd. Nazari Razali | 60. Nadzrah Mohd. Othman |
| 11. Zuriawati Haji Mohd Laili | 36. Nur Nadhirah Frida Abdullah | 61. Nur Ashikin Haji Ahmad |
| 12. Masni Morshidi | 37. Jassalini Jamain | 62. Muhamad Ali Abdul Wahab |
| 13. Norzihan Abdullah | 38. Dayangku Horiah Awang Gani | 63. Herrie Suliano Mohammad |
| 14. Edison Ricket | 39. Hapidawati Haji Bujang | 64. John Nyo-em |
| 15. Suria Sonia Ahip Abdullah | 40. Afiza Ibrahim | 65. Mohd. Abdullah Hamdan |
| 16. Syeeida Ali Hussein | 41. Alvaenna Valentine | 66. Tonny Sherbern |
| 17. Mohammad Shahrul Bahro | 42. Ammie Syarina Mohd. Jelani | 67. Wan Idrus Wan Alla |
| 18. Mohammad Sukaimi Haji Bujang | 43. Norasfia Zainal | 68. Mohd. Aidq Aidi |
| 19. Razak Haji Rambili | 44. Alya Afika Pairi | 69. Idris Morni |
| 20. Izaruddin Moss | 45. Freda Padel | 70. Abdul Afiq Abdul Aziz |
| 21. Musa Ayob Abdul Rahman | 46. Mohamed Ismaully Abdul Wahab | 71. Norassima Sitam |
| 22. Henry Leo | 47. Cyprian Eldred Rossem | 72. Siti Munirah Idis |
| 23. Daut Bogol | 48. Suhaimi Bemban | 73. Aidashermilla Hashim |
| 24. Laurena Aloh | 49. Fairul Azli Banchit | 74. Amir Hamzah Haji Ahmad |
| 25. Saufie Taram | 50. Ramdzan Haji Saman | 75. Suhaili Haji Morsidi |

SEKTOR PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

LIBRARY SERVICES SECTOR



Bahagian Hadapan, Dari Kiri / Front Row, From Left:

Izaruddin Moss, Razak Haji Rambili, Muhamad Ali Abdul Wahab, Amir Hamzah Haji Ahmad, Herrie Suliano Mohamad, Ramdzan Haji Saman, Kian Ak Tungku, John Nyo-em, Daut Bogol, Henry Leo

Berdiri, Dari Kiri / Standing, From Left:

Veronica Edward, Haslizawati Johan, Norassima Sitam, Khuzainah Khalid, Fatimah Yahya, Nur Asikin Ahmad, Noriko Chubachi, Japri Bujang Masli, Nur Nadhirah Frida Abdullah, Ainie Umairah Lee Abdullah, Edison Ricket, Drang Jite, Alvaena Valentine, Nadzrah Mohd. Othman, Norlailawaty Ismail

SEKTOR PENGURUSAN KORPORAT CORPORATE MANAGEMENT SECTOR



Barisan Hadapan, Dari Kiri / Front Row, From Left:

Mohd. Nazzim Zainuddin, Wessel Ak Jamara, Ayeh Ak Lajam, Abdul Pharid Abdul Rahman, Nur Xyalihin Jamel, Norzihan Abdullah, Nesly Rebid Abdullah, Muhammad Arifullah Daim, Bashir Swandi, Muhammad Afa Mohd Jamaluddin, Alya Faeeqah Hamali

Berdiri, Dari Kiri / Standing, From Left:

Masni Morshidi, Siti Khairunnisa Rosli, Haspidawati Haji Bujang, Anita Haji Hamdan, Ismewatti Haji Narawi, Norasfia Zainal, Afiza Ibrahim, Mohammad Abdullah Hamdan

Barisan Belakang, Dari Kiri / Back Row, From Left:

Paidi Amat Mokito, Sehih Lui, Mohd. Aidiq Aidi, Cyprian Eldred Rossem, Zaidi Mohd. Nor, Suria Sonia Ahip Abdullah, Hajah Rashidah Haji Bolhassan, Ammie Syarina Mohd. Jelani, Alya Afika Pairi, Syeida Ali Hussein, Laurena Aloh, Siti Munirah Idris, Nur Ashikin Haji Ahmad, Idris Morni, Mohamed Ismauli Abdul Wahab, Mohd. Hafisamri Ahmad Sidi, Arman Chee

SEKTOR PERKHIDMATAN DEPOSITORI DEPOSITORY SERVICES SECTOR



Barisan Hadapan, Dari Kiri / Front Row, From Left:

Mohammad Abdullah Hamdan, Arpah Haji Adenan, Jeysi Halmi, Shafinaz Afidia Andrew Affendi, Jassalini Jamain

Berdiri, Dari Kiri / Standing, From Left:

Nor Diana Nawawi, Nor-Asemah Drahman, Hayati Haji Sabil, Dayangku Horiah Awang Gani, Roszan Nawati, Aidashermilla Hashim

Berdiri, Barisan Belakang, Dari Kiri / Standing, Last Row, From Left :

Norasfia Zainal, Rozana Octovia, Suhaili Haji Morsidi, Mohd. Eqbal Mahmud, Ahmad Hadafi Pozi, Hideki Takahori, Vincent Jinap, Saufie Taram, Rina Rimong, Suhaimi Bemban

SEKTOR TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

INFORMATION & COMMUNICATION TECHNOLOGY SECTOR



Barisan Hadapan, Dari Kiri / Front Row, From Left:

Freda Padel, Wan Mazli Wan Razali, Nor Juliet Munyung Abdullah

Berdiri, Dari Kiri / Standing, From Left:

Musa Ayob Abdul Rahman, Mohammad Shahrul Bahro, Fairul Azli Banchit, Abdul Afiq Abdul Aziz, Tonny Sherbern, Mohd. Sukaimi Bujang



BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

RESEARCH & DEVELOPMENT DIVISION

Dari Kiri / From Left:

Bronny Lawrence Nawe, Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad



AUDIT DALAMAN *INTERNAL AUDIT*

Maurice Braoh



PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI



Barisan Hadapan, Dari Kanan / Front Row, From Right:

Mohd. Khadzrie Bin Mohd. Ramzie Faizal, Lilian Baun Puo, Dorothy Dela Lawrence, Flin Lovinia Anak Hussein, Hajah Salina Haji Zawawi, Hajah Rashidah Haji Bolhassan, Jamilah Binti Juli, Masni Abdullah, Nurfadila Binti Sukardi, Sofina Tan Sofian Tan, Suzanna Abdullah, Ahmad Bin Samsudin

Berdiri, Barisan Tengah, Dari Kanan / Standing, Middle Row, From Right:

Mohd. Zaidi Bin Zulkiple, Mohd. Al-Hafiz Bin Shahrhan, Zuwahir Binti Ilias, Norfaezan Binti Abdul Jalil, Nur Alia Qaytrina Sim Abdullah, Azriana Enna Bong, Adelin Binti Mohd. Adenan, Mohamad Bakthiar Bin Supardi, Norayah Binti Adenan, Siti Rohana Binti Saat, Mohd. Nizam Bin Abg. Takip, Awangku Khalifah Bin Awang Madehi

Berdiri, Barisan Belakang, Dari Kanan / Standing, Back Row, From Right:

Mohd. Afis Bin Mohd. Adenan, Hisham Bin Mohamed, Mohd. Rasyeddin Bin Abdul Karim, Nur Aiman Nicholas Luyoh, Abdul Aziz Bin Bujang, Mohd. Awis Bin Abu Bakar, Abdul Aziz Bin Kassim, Kabery Sinau, Abang Mohd. Waliyuddin Bin Abang Januari

BERITA UTAMA TAHUN 2015 HIGHLIGHTS FOR THE YEAR 2015

1 JANUARI 2015 | 1 JANUARY 2015



SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-15 PUSTAKA NEGERI SARAWAK PUSTAKA NEGERI SARAWAK'S 15TH ANNIVERSARY CELEBRATION

Sambutan Ulangtahun Ke-15 Pustaka telah diadakan dengan berkonsepkan 'bring your own food' dan 'picnic' bersama keluarga. Sambutan ini telah diserikan dengan pelbagai barisan program menarik seperti Ceramah Kesihatan dan Keusahawan, Program Perkongsian Pintar Komuniti & Perpustakaan untuk Portal Warisan Budaya Tempatan Sarawak, Pameran 'Get To Know' Pustaka Negeri Sarawak, Miri, Pertandingan 'Pantas Congak' dan 'Spelling Bee', Demonstrasi Masakan Produk Nestle bersama Chef Muluk, dan Pertandingan 'Tiru Gaya Frozen'.

Program Movie Marathon juga diadakan yang menampilkan filem "Superman: Man of Steel", "The Hunger Games: Catching Fire" dan "Frozen". Selain daripada menyertai sesi cabutan bertuah, para penonton Movie Marathon juga telah berpeluang untuk mendapatkan aiskrim percuma

Persembahan dari artis-artis tempatan dan kumpulan Buskers turut memeriahkan sambutan persembahan pada malam tersebut. Turut hadir ialah Pengerusi Ahli Lembaga Pengurusan, YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo, Ketua Pegawai Eksekutif, Puan Hajah Rashidah Haji Bolhassan dan para penulis tempatan.

The 15th Anniversary celebration for Pustaka was held with the concept of 'bring your own food' and 'picnic with family'. There was a variety of programs lined up such as health and entrepreneurship talks, Community & Libraries Smart Sharing Session on Sarawak Local Content Portal, an exhibition entitled 'Get To Know' Pustaka Negeri Sarawak, Miri, Math Mental Speed and Spelling Bee Competitions, Nestle Cooking Demonstration with Chef Muluk, Frozen and Cosplay Competition.

Movie Marathon program was also held which presented three blockbuster movies "Superman: Man of Steel", "The Hunger Games: Catching Fire" and "Frozen". Apart from participated in lucky draws, the audience also had the opportunity to claim free ice cream.

In the evening, there was a show by local artistes and buskers who were invited to perform while waiting for the New Year countdown. Amongst those present were Management Board Chairman Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo, Chief Executive Officer Puan Hajah Rashidah Haji Bolhassan and other members of the library's Management Board.



In conjunction with Pustaka's 15th Anniversary Commemoration, the library organized a Media Conference and Tour to introduce them to the improvements done on the services and facilities.

Among the latest development that can be seen and enjoyed at Pustaka is the upgrading of facilities and physical appearance of the library, namely: Bandwidth upgrade, users can now enjoy the Internet access with a speed of up to 100Mbps.

Bersempena dengan sambutan ini juga, Pustaka telah mengadakan program Sidang Media dan Lawatan Media bagi memperkenalkan penambahbaikan yang telah dilakukan terhadap perkhidmatan dan fasiliti Pustaka.

Antara perkembangan terkini yang boleh dilihat dan dinikmati di Pustaka ialah peningkatan fasiliti dan rupa fizikal perpustakaan, antaranya peningkatan *Bandwidth* di mana kini akses internet boleh dinikmati dengan kelajuan sehingga 100Mbps.



Pustaka also has its own E-Newspaper Kiosk. Users can now browse local and international online newspapers and magazines. Children Infotheque Services has been expanded with the use of tablets, storytelling room equipped with video screening equipment, and edutainment games available for the children to explore and have fun with.

Some 35 media representatives were present and they were brought to see the 'E-Newspaper Kiosk', Children Infotheque as well as the Sarawakiana Portal and several other services.

The media conference was chaired by Chairman of the Management Board Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo and it was also attended by Management Board Member Datuk Alfred Yap, Chief Executive Officer Puan Hajah Rashidah Haji Bolhassan and Heads of Sector.



Pustaka juga telah mempunyai Kiosk E-Newspaper. Pengguna boleh menggunakannya untuk melayari secara dalam talian surat khabar tempatan dan antarabangsa serta majalah. Perkhidmatan Infotek Kanak-Kanak telah diperluaskan dengan penggunaan tablet dan bilik bercerita yang dilengkapi dengan peralatan tayangan video, permainan pendidikan dan hiburan untuk kegunaan kanak-kanak meneroka dan bergembira.

Seramai 35 orang media telah menghadiri dan dibawa melawat ke Kiosk E-Newspaper, Bilik Infotek Kanak-Kanak, diperkenalkan dengan portal Sarawakiana dan beberapa perkhidmatan dan fasiliti lain Pustaka.

Sidang media ini telah dipengerusikan oleh Pengerusi Ahli Lembaga Pengurusan, YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo dan turut dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengurusan Pustaka Datuk Alfred Yap, Ketua Pegawai Eksekutif Puan Hajah Rashidah Haji Bolhassan dan Ketua-Ketua Sektor.



23-28 FEBRUARI 2015 | 23-28 FEBRUARY 2015

MINGGU WARISAN BUMI KENYALANG LAND OF THE HORNBILLS HERITAGE WEEK



Pelbagai aktiviti dianjurkan bersempena dengan Minggu Warisan Bumi Kenyalang yang telah diadakan bermula 23 hingga 28 Februari 2015 di Pustaka Negeri Sarawak, Miri telah menarik hampir 2,000 orang pengunjung.

Program ini telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen P218 Sibuti iaitu YB Haji Ahmad Lai Bujang pada 26 Februari 2015. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Ahli Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak, Prof. Madya Dr. Shahren Tun Ahmad Zaidi Aduce; Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak, Hajah Rashidah Haji Bolhassan; Pengarah Urusan Gading Kenyalang, Noraini Salleh serta Pengurus Wilayah Pustaka Negeri Sarawak, Miri Hajah Salina Haji Zawawi.

Aktiviti utama bagi program tersebut adalah ceramah bertajuk "Pua Kumbu and Its Revolution" yang disampaikan oleh penyelidik Sarawak iaitu Dr Welyne Jeffrey Jehom, merupakan Pensyarah Kanan bagi Fakulti Seni dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Penenun terkenal Iban iaitu Bangie anak Embol dan Nancy anak Ngali dari Kapit turut bersama berkongsi pengalaman dan membuat demonstrasi membuat tenunan "pua kumbu". Pertunjukan fesyen yang menunjukkan kecantikan koleksi oleh Pua Heritage Boutique juga turut diadakan semasa majlis perasmian tersebut.

The activities lined up for Minggu Warisan Bumi Kenyalang (Land of the Hornbills Heritage Week) starting from 23rd to 28th February 2015 at Pustaka Negeri Sarawak, Miri attracted nearly 2,000 visitors to the library.

This program was in collaboration with Gading Kenyalang Sdn. Bhd. – a Kuala Lumpur-based company which aspires in contributing to the growth of local arts and entertainment industry.

The official opening ceremony was held on 26th February 2015 and Member of Parliament for P218 Sibuti YB Haji Ahmad Lai Bujang graced the event.

Also present were Pustaka Negeri Sarawak Board of Management's member Assoc. Prof. Dr. Shahren Tun Ahmad Zaidi Aduce, Chief Executive Officer Hajah Rashidah Haji Bolhassan, Gading Kenyalang's Managing Director Noraini Salleh, Regional Manager of Pustaka Negeri Sarawak, Miri Hajah Salina Haji Zawawi and other invited guests.

The highlight of the day was a talk on 'Pua Kumbu and Its Revolution' by a renowned Sarawak researcher Dr. Welyne Jeffrey Jehom – Senior Lecturer in Gender Studies, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya.

Demonstrasi tradisional membuat "Hand-Tap Tatto" oleh Sarawak Body Art Association telah diadakan pada 27 Februari 2015. Antara aktiviti utama yang turut diadakan adalah "Miri City Idol Search 2015" yang dianjurkan oleh Natz Production Sdn. Bhd. Pertandingan ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu kategori kanak-kanak (7-14 tahun) dan remaja(15-18 tahun). Seramai 60 orang peserta telah menyertai ujibakat untuk menyertai pertandingan ini.

Peringkat akhir bagi pertandingan tersebut telah diadakan pada 28 Februari 2015 bertempat di Auditorium Pustaka Negeri Sarawak, Miri dan telah diacarakan oleh Kak Lehot Wannabe, yang merupakan seorang personaliti Radio Sarawak. Para Hakim bagi pertandingan tersebut adalah terdiri daripada artis Natz Production sendiri iaitu Salamiaah Hassan dan Edrie Hashim.

Juara bagi kategori kanak-kanak telah dimenangi oleh Nur Syuhada Roastardimon manakala tempat kedua pula dimenangi oleh Razid Ismail dan tempat ketiga dimiliki oleh Leonard Thian Yu Xiu. Bagi kategori remaja pula, Jeremiah Udan Bennet telah memukau para hakim dengan persembahannya dan telah membawa pulang gelaran juara. Manakala tempat kedua dimenangi oleh Sharon Laie Richard Laing dan Nicole Emily Johnny memenangi tempat ketiga.

Para hadirin turut dihiburkan dengan persembahan daripada Alleeya merupakan finalis Idola Kecil 6 serta artis tempatan Clinton Jerome Chua dan persembahan "Combat Dance" oleh E-zy Fitness and Health. Salamiaah Hassan dan Edrie Hashim juga tidak ketinggalan untuk menghiburkan penonton semasa pertandingan tersebut.

Selain itu, pameran dan jualan barangan kraf dan seni Sarawak turut diadakan sepanjang program tersebut berlangsung. Seramai 20 pempamer turut serta iaitu Sarawak Body Arts Association (Borneo Tattoo), Repositori Rekod Negeri Sarawak, pengusaha kraftangan tempatan Sarawak serta syarikat yang berpangkalan di Kuala Lumpur iaitu Pua Heritage, Sarawak.

Iban master weavers Bangie anak Embol and Nancy anak Ngali from Kapit were at the event as well to show and share their experiences on 'pua kumbu' weave-work. A fashion show was also held during the opening ceremony. It showcased beautiful collections by Pua Heritage Boutique.

On 27th February, there was a demonstration on the traditional 'Hand-Tap Tattoo' by the Sarawak Body Arts Association. Another highlight event held in conjunction with the program was 'Miri City Idol Search 2015'. This singing competition was organized by Natz Production Sdn. Bhd. and divided into two (2) categories – Junior (7 to 14 years old) and Teens (15 to 18 years old). Some 60 contestants signed up for the audition.

The finals was held on 28th February 2015 in the library's Auditorium with renowned Sarawak radio personality Kak Lehot Wannabe being its master-of-ceremony and the panel of jury include artistes under Natz Production – Salamiaah Hassan and Edrie Hashim.

The Junior Category was won by Nur Syuhada Roastardimon while Razid Ismail and Leonard Thian Yu Xiu took home second and third prize respectively. Jeremiah Udan Bennet wowed the judges and announced the champion in the Teens Category. Second and third placing went to Sharon Laie Richard Laing and Nicole Emily Johnny.

There were performances by one of Idola Kecil 6 finalists Alleeya as well as local artiste Clinton Jerome Chua and a 'Combat Dance' performance by E-zy Fitness and Health. The audience was also entertained by Salamiaah Hassan and Edrie Hashim.

The Exhibition and Sale on Sarawak handicrafts and arts was held for the whole week. Some twenty exhibitors took part in the event including the KL-based company Pua Heritage, Sarawak Body Arts Association (Borneo Tattoo), Sarawak State Records Repository, Sarawak artists and handicraft makers.



28 & 29 APRIL 2015 | 28 & 29 APRIL 2015

**FESTIVAL SASTERA KANAK-KANAK
PUSTAKA-BOOKAROO 2015**
*PUSTAKA BOOKAROO CHILDREN'S
LITERATURE FESTIVAL 2015*



Pustaka Negeri Sarawak telah dibanjiri dengan kehadiran hampir 2,300 pengunjung yang terdiri daripada kanak-kanak bersama keluarga untuk memeriahkan Festival Sastera Kanak-Kanak Pustaka-Bookaroo 2015. Program ini merupakan program kerjasama antara Pustaka Negeri Sarawak dan Bookaroo Trust.

Ini merupakan festival pertama di Sarawak yang mensasarkan kepada kesusasteraan kanak-kanak dan telah membawa 10 orang penceramah luar negara dan 9 orang penceramah tempatan. Program ini meliputi 60 sesi iaitu sesi bercerita dan bersajak; bengkel kraf dan melukis serta pelbagai lagi aktiviti sepanjang dua hari program tersebut berlangsung. Selain itu juga, 18 buah sekolah di kawasan Kuching dan Samarahan telah dilawati oleh penceramah sebagai salah satu pengisian program.

Pembantu Pengajar Bahasa Inggeris di SMK Semerah Padi, Amanda Wolkin begitu teruja dengan program ini dan beliau berkata "Saya membesar di Amerika Syarikat dan bernasib baik kerana terdedah dengan penulisan kreatif, membaca dan berfikir untuk pembelajaran saya. Ini telah menjadikan saya sebagai seorang yang berguna. Saya amat bersyukur yang program seumpama ini diadakan di Kuching dan memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang bijak di sini."

About 2,300 people, children together with friends and their family members, attended the inaugural Pustaka Bookaroo Children's Literature Festival 2015. It was a collaboration between Pustaka Negeri Sarawak and Bookaroo Trust.

The first ever children - focused literature festival in Sarawak brought together 10 foreign and 9 local speakers. There were 60 sessions on storytelling, poetry, workshops, crafts, doodling and much more during the two days. Prior to the main festival, 18 schools around Kuching and Samarahan were visited by the speakers, during the Pustaka Bookaroo in the City outreach program, for a one hour session of either one of the sessions.

Amanda Wolkin, an English Teaching Assistant in SMK Semerah Padi was as excited as the children attending the sessions. "Growing up in the United States, I was so fortunate to be exposed to creative writing, reading and thinking throughout my education. That shaped me as a person. I feel so thankful that a programme as important and impactful as Pustaka Bookaroo is coming to Kuching so that the brilliant students here can take advantage of these creative opportunities," she said.



Semasa di auditorium SMK Batu Lintang, Golda Mowe telah memberi cabaran kepada para pelajar untuk berfikir mengenai buku kegemaran yang telah dibaca oleh mereka dan berkongsi dengan rakan-rakan lain. Mereka turut diingatkan kembali dengan cerita klasik seperti *Gulliver's Travels*, *Peter Pan* dan *The Jungle Book*.

Wolkin berkata bahawa "Buku boleh mengubah kehidupan – ianya telah mengubah saya – kreativiti adalah segalanya. Saya berbesar hati Pustaka Bookaroo telah datang ke Kuching dan saya dapat menjadi sukarelawan untuk program sehebat ini."

Pencerita dari Bangalore, India iaitu Ameen ul Haque berkata "Datang ke Kuching untuk mengikuti Pustaka Bookaroo adalah seperti datang untuk penziarahan penceritaan." Ianya menjanjikan satu cerita yang unik serta pencerita yang mempunyai pelbagai budaya dan stail. Saya mencari peluang untuk bercerita dan mendengar cerita."

Festival ini telah mendapat banyak sokongan dari pelbagai pihak yang telah sama-sama meraikan kanak-kanak dan kesusasteraan.



*On a hot steamy afternoon in SMK Batu Lintang's auditorium, Golda Mowe took the young minds away from the heat and challenged them all to think about the books they've read and loved and to share their favourite titles with one another. They were reminded of classics like *Gulliver's Travels*, *Peter Pan* and *The Jungle Book*.*

"Books can change lives – they've changed mine – and creativity is everything. I am so glad that Pustaka Bookaroo has come to Kuching and that I can volunteer at such a fantastic event," says Wolkin. Many of the speakers are equally enthusiastic.

Ameen ul Haque, a storyteller from Bangalore, India, who is one of the speakers in Pustaka Bookaroo says, "Coming to Kuching for Pustaka Bookaroo is like going on a story pilgrimage. It promises to be a unique melting pot of stories and storytellers of myriad styles from various cultures and I am looking forward to both telling and listening."

The festival has also achieved new heights in getting sponsors, partners, supporters and volunteers to work together in celebrating children and literature.



8-10 MEI 2015 | 8-10 MAY 2015

KARNIVAL SARAWAKIANA 2015 SARAWAKIANA CARNIVAL 2015



Pustaka Negeri Sarawak, Miri telah menganjurkan Karnival Sarawakiana kali ke-2 yang telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan dihadiri seramai 7,000 orang pengunjung.

Program ini adalah bersempena sambutan ulangtahun ke-15 Pustaka Negeri Sarawak dan ulangtahun ke-10 Bandaraya Miri dan Miri May Fest 2015.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang karnival tersebut berlangsung adalah Forum Pembangunan Bandaraya Miri, Pameran Warisan Kebudayaan Termpatan, Demonstrasi Makanan Tradisional Sarawak, Bengkel dan Ceramah Sape, Pameran Alat Muzik Tradisional Sarawak, Persembahan Kebudayaan Kanak-Kanak, Pertunjukan Fesyen Pua, Demonstrasi Masakan bersama Maggi oleh Chef Muluk, "Movie Marathon" untuk kanak-kanak, Pesta Zumba, Persembahan pentas 'Jom Berhibur Ramey-Ramey' dan banyak lagi aktiviti menarik.

Selain aktiviti tersebut, turut diadakan adalah Pertandingan Bermukun (nyanyian dan tarian tradisional Sarawak), Pertandingan Pakaian Tradisional Kanak-kanak serta Pertandingan Masakan Tradisional Sarawak.

The second Sarawakiana Carnival (Karnival Sarawakiana) organized by Pustaka Negeri Sarawak, Miri ended positively with some 7,000 visitors thronging the three-day event.

The event was organized in conjunction with and to commemorate Pustaka Negeri Sarawak's 15th Anniversary as well as Miri City's 10th Anniversary and Miri May Fest 2015.

Among the many activities that were held for the carnival were Miri City Development Forum, Local Culture Heritage Exhibition, Sarawak Traditional Dishes Cooking Demonstration, Talk and Workshop on Sape, Sarawak Traditional Musical Instruments Exhibition, Children Cultural Performances, Pua Fashion Show, Cooking Demonstration with Maggi Celebrity Chef Muluk, Movie Marathon for Kids, Zumba Fiesta, 'Jom Berhibur Ramey-ramey' Stage Show and etc.

Apart from these activities, there were competitions for Bermukun (Sarawak Malay metrical verses and lively dance), Children Traditional Costumes as well as Sarawak Traditional Cooking and Dish Presentation.

Sepanjang karnival tersebut berlangsung, terdapat 20 tapak pameran dan jualan daripada usahawan tempatan serta pembuat kraftangan. Selain itu juga, beberapa syarikat telekomunikasi turut serta dalam sesi "Communication Networks & Us".

Antara rakan kerjasama pintar yang menjayakan program ini adalah Majlis Bandaraya Miri, RC Travel & Tours Sdn. Bhd., Gading Kenyalang Sdn. Bhd., Kek Lapis Sarawak Siti Payung, Miri Cheap Printing, Embun Citra Enterprise, Cinqasa Sdn. Bhd. dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) Miri. Antara persatuan yang turut terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini adalah Persatuan Dayak Miri, Persatuan Melayu Miri, Persatuan Melanau Miri, Persatuan Kadayan Sarawak, Persatuan Jatti Meirek dan Persatuan Tering Miri. Syarikat telekomunikasi juga tidak ketinggalan untuk turut serta iaitu Telekom Malaysia Berhad, Celcom Mobile Sdn. Bhd. Maxis Centre Miri dan Digi Centre Miri. Selain itu, *Pustaka's Friend of the Library (FOL)*, Lucas Johnny juga turut serta membuat pameran koleksi antik milik beliau.



Throughout the carnival, there were Products and Services Booths as well which featured twenty (20) cottage industry entrepreneurs and handicraft makers. Several telecommunication companies also participated in the 'Communication Networks & Us' Sessions.



To assist with the activities held throughout the carnival, several smart partners collaborated with the Library namely Miri City Council (MCC), RC Travel & Tours Sdn. Bhd., Gading Kenyalang Sdn. Bhd., Kek Lapis Sarawak Siti Payung, Miri Cheap Printing, Embun Citra Enterprise, Cinqasa Sdn. Bhd. and Radio Televisyen Malaysia (RTM) Miri. Also supporting the event were ethnic associations – Persatuan Dayak Miri, Persatuan Melayu Miri, Persatuan Melanau Miri, Persatuan Kadayan Sarawak, Persatuan Jatti Meirek and Persatuan Tering Miri as well as telecommunications companies – Telekom Malaysia Berhad, Celcom Mobile Sdn. Bhd., Maxis Centre Miri and DiGi Centre Miri. *Pustaka's Friend of the Library (FOL)* Lucas Johnny also took part by his exhibiting his antique collections.

Karnival yang bertujuan untuk memberi kesedaran dan sekaligus mempromosi warisan dan kebudayaan Sarawak ini telah menarik pengunjung dari seluruh negeri Sarawak serta dari negara jiran iaitu Brunei Darussalam.

Puan Rosey Hj Yunus, Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Pembangunan Keluarga telah hadir merasmikan pembukaan karnival ini pada 8 Mei 2015. Manakala Encik Lawrence Lai Yew Son, Datuk Bandar Miri telah hadir untuk majlis penutupan karnival pada 10 Mei 2015.

Karnival Sarawakiana di Bandaraya Miri telah diadakan buat pertama kalinya 5 tahun yang lepas iaitu pada tahun 2011 dan akan diadakan lagi pada tahun hadapan sebagai salah satu program bagi *Miri May Fest 2016*.



The carnival, which aimed to create awareness and promote the cultures and heritage of Sarawak, attracted visitors from all over the State as well as those from neighboring country, Brunei Darussalam.

Puan Rosey Haji Yunus, Assistant Minister of Early Childhood Education graced the official opening of the carnival on Friday, 8th May 2015 while Encik Lawrence Lai Yew Son, Miri City Mayor closed the event on 10th May 2015.

The first Sarawakiana Carnival in Miri City was held five (5) years ago in 2011 and will be organized again next year as the highlight of *Miri May Fest 2016*.



28-30 JULAI 2015 | 28-30 JULY 2015

BENKEL PENGURUSAN REKOD ELEKTRONIK ELECTRONIC RECORD MANAGEMENT WORKSHOP



Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Rekod Elektronik bertempat di Hotel Imperial, Kuching. Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh YBhg Datu Haji Misnu Haji Taha, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi pemahaman tentang konsep pengurusan rekod elektronik dan praktis dalam pelaksanaan pengurusan rekod elektronik.

Di samping itu, ia dianjurkan bagi memberi pengetahuan kepada para peserta bagaimana merancang pelan yang strategik bagi pelaksanaan pengurusan rekod elektronik dari aspek bajet, sumber manusia, fasiliti, kelengkapan dan kapasiti jabatan.

Objektif lain bengkel ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para peserta tentang pengurusan rekod elektronik yang telah dilaksanakan oleh negara luar seperti di Australia, Kanada, Korea, Amerika Syarikat dan negara membangun yang lain.

Fasilitator bengkel ialah Profesor Eun Park dari *McGill University, Canada*. Beliau yang juga seorang pensyarah merupakan pakar dalam bidang rekod elektronik. Beliau pernah terlibat dalam pelbagai penerbitan dan pembentangan kertas kerja berkaitan rekod elektronik.

Seramai 32 orang dari pelbagai agensi kerajaan telah dijemput sebagai peserta yang bertanggungjawab menguruskan rekod-rekod elektronik atau sistem maklumat di jabatan atau agensi. Perbincangan secara kumpulan juga diadakan sebagai sesi perkongsian pendapat, setiap ahli kumpulan mengenai pengurusan rekod elektronik.

Pustaka Negeri Sarawak has organized Electronic Record Management Workshop at Imperial Hotel, Kuching. The workshop was officiated by YBhg Datu Haji Misnu Haji Taha, Deputy Secretary of Sarawak State Government.

The main objective was to give better concept understanding of the electronic record management and its practices.

It was also organized to provide knowledge and skills to the participants on how to strategically plan for the implementation of electronic record management from the aspects of budgeting, human resource, facility, equipment and departmental capacity.

The workshop also exposed the participants to the electronic record management implemented in other countries such as Australia, Canada, Korea, United States and other developing countries.

The facilitator for the workshop was Professor Eun Park from McGill University, Canada. He is a lecturer with expertise in the field of electronic record management. He was involved in many research publication and presentation on the subject.

A total of 32 participants from various government agencies attended the workshop and they were invited to become those who are responsible for their respective organization's electronic records or information system. Group discussion was done as to share their experience and opinion on electronic record management.

SUKAN PERPUSTAKAAN AWAM SE-MALAYSIA 2015 (SPASM)
 MALAYSIA PUBLIC LIBRARIES SPORTS COMPETITION 2015



The Malaysia Public Libraries Sports Competition Malaysia or Sukan Perpustakaan Awam Se-Malaysia (SPASM) is a sports meet that is organized once every two years since 1984 among the State Public Libraries in Malaysia. Each state public library is given the chance to be the host and the previous one was held in Selangor Darul Ehsan in 2013.

This year, Pustaka was the host for the meet. The last time Pustaka played host was in 2003.

With its tagline 'Segulai Sejalai', the objective of the 21st SPASM was to provide a platform for knowledge sharing between the library community across the grades and working background from all the public libraries in Malaysia as well as strengthening the bond between the libraries in their effort to develop information institutions and libraries in the country.

Sukan Perpustakaan Awam Se-Malaysia (SPASM) merupakan satu kejohanan sukan yang diadakan setiap 2 tahun sekali diadakan bermula sejak 1984 di antara semua Perpustakaan Awam Negeri di Malaysia. Setiap perpustakaan awam negeri-negeri berpeluang menjadi tuan rumah. Penganjuran SPASM yang terakhir telah diadakan pada tahun 2013 di Selangor.

Pada tahun ini, Pustaka telah menjadi tuan rumah bagi kejohanan ini. Kali terakhir Pustaka Negeri Sarawak menjadi tuan rumah ialah pada tahun 2003.

Bertemakan tagline 'Segulai Sejalai', objektif penganjuran SPASM Ke-21 ini ialah untuk menyediakan platform untuk perkongsian ilmu pengetahuan di antara kakitangan perpustakaan dari pelbagai gred dan bidang kerja, dari semua perpustakaan awam di Malaysia selain mengeratkan silaturrahim di antara semua kakitangan perpustakaan awam negeri-negeri bagi memupuk semangat kekitaan dalam kerjasama memajukan institusi maklumat dan perpustakaan Malaysia.



terus ke muka surat 27 / continued to page 27



Sebanyak 13 buah kontinjen yang terdiri daripada perpustakaan awam negeri seluruh Malaysia telah menyertai kejohanan SPASM Ke-21 ini iaitu:

1. Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
2. Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
3. Perpustakaan Kuala Lumpur
4. Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka
5. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
6. Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
7. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak
8. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis
9. Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
10. Perpustakaan Negeri Sabah
11. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
12. Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu
13. Pustaka Negeri Sarawak

Acara sukan yang dipertandingkan ialah Badminton, Bola Jaring, Bola Tampar, Boling, Dart, Futsal, Golf, Permainan Tradisional, Ping Pong dan Sepak Takraw. Perkampungan sukan kali ini ialah di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

A total of 13 public library contingents took part in the meet and they were:

1. Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
2. Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
3. Perpustakaan Kuala Lumpur
4. Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka
5. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
6. Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
7. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak
8. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis
9. Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
10. Perpustakaan Negeri Sabah
11. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
12. Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu
13. Pustaka Negeri Sarawak

The sport events organized were badminton, netball, volleyball, tennis, pin bowling, dart, futsal, golf, traditional games, table tennis and sepak takraw. The sport village this time around was at Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Bersempena dengan SPASM, turut dianjurkan Seminar 'Stand Up with Libraries'. Seminar ini adalah di bawah anjuran Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) yang bertujuan untuk menanam ilmu intelektual dan maklumat antara semua peserta sukan yang terdiri daripada Pustakawan, Penolong Pegawai Perpustakaan, Pembantu Perpustakaan dan kakitangan pentadbiran yang bekerja di perpustakaan seluruh Malaysia. Seminar ini telah disampaikan oleh pelakon, pelawak dan pengacara terkenal di Malaysia iaitu Harith Iskander.

Johan keseluruhan untuk SPASM Ke-21 telah dimenangi oleh Pustaka manakala Perpustakaan Negeri Sabah di tempat kedua (2) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor berada di tempat ketiga (3).

Majlis perasmian Sukan Perpustakaan Awam Se-Malaysia Ke-21 telah diadakan pada 8 Ogos 2015 di Stadium Perpaduan, Kuching manakala majlis penutupan diadakan pada 11 Ogos 2015 di Hotel Pullman, Kuching. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo, Pengerusi Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak.

In conjunction with SPASM, a seminar entitled 'Stand Up with Libraries' was organized under Malaysia Public Libraries Directors Council (MPAM) and it was aimed to instil intellectual knowledge and information among the athletes who are librarians, assistant librarians, library assistants and library administration staff. The invited speaker was Malaysia's famous actor, comedian and host Harith Iskander.

Pustaka was announced the overall champion of the 21st SPASM while Perpustakaan Negeri Sabah and Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor were placed first and second runner-up respectively.

The official opening ceremony was held on 8th August 2015 in Stadium Perpaduan, Kuching while the closing ceremony was held on 11th August 2015 at Pullman Hotel, Kuching. It was graced by YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo, Chairman of Pustaka's Management Board.



15-17 NOVEMBER 2015 | 15-17 NOVEMBER 2015

**INTERNATIONAL KNOWLEDGE CONFERENCE 2015 -
"KNOWLEDGE, THE KEY TO A BETTER TOMORROW"**
*INTERNATIONAL KNOWLEDGE CONFERENCE 2015 -
"KNOWLEDGE, THE KEY TO A BETTER TOMORROW"*



Pustaka dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah menganjurkan International Knowledge Conference 2015 – 'Knowledge, The Key to a Better Tomorrow' bertempat di Pullman Hotel & Resort, Kuching.

Pustaka Negeri Sarawak in collaboration with Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) and Universiti Teknologi Mara (UiTM) has organized International Knowledge Conference 2015 – 'Knowledge, The Key to a Better Tomorrow' on 15-17 November 2015 at Pullman Hotel & Resort, Kuching.

Majlis Perasmian 'International Knowledge Conference 2015 – 'Knowledge: The Key to a Better Tomorrow' telah diadakan pada 16 November 2015 bertempat di Colosseum II, Pullman Hotel & Resort, Kuching yang disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak.

The opening ceremony was held on 16 November 2015 at Colosseum II, Pullman Hotel & Resort, Kuching. YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Minister Of Welfare, Women and Family Development was present to grace the ceremony.

Buku bertajuk 'Alam Pustaka: The World of Pustaka' turut dilancarkan pada majlis yang sama.

The book 'Alam Pustaka: The World of Pustaka' was also launched during the event.

International Knowledge Conference 2015 merupakan platform untuk para penyelidik terutama di rantau ASEAN untuk berhubung dengan komuniti penyelidikan antarabangsa bagi pertukaran idea dan perkongsian ilmu dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat, Pengurusan Ilmu, Pengurusan Arkib dan Rekod serta lain-lain bidang yang berkaitan.

International Knowledge Conference 2015 was a platform for researchers especially in the ASEAN region to connect with international research community for the exchange of ideas and sharing of knowledge in the field of Library and Information Science, Knowledge Management, Archives and Records Management and other related fields.



Objektif

- Menjadi wadah untuk penyelidik, pustakawan, pegawai arkib, pekerja ilmu, pelajar dan ahli akademik untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman sambil berinteraksi serta menjalin hubungan kerjasama.
- Membincang dan menganalisa inovasi-inovasi baru, trend semasa dan amalan terbaik dalam pengurusan, akses serta komunikasi maklumat.
- Mengkaji dasar-dasar kerajaan mengenai akses kepada maklumat, penyediaan perkhidmatan perpustakaan, kebebasan bermaklumat, hak harta intelek serta mengawal akses kepada rekod awam atas sebab keselamatan.
- Mengenal pasti potensi dan kesesuaian aplikasi ICT dalam penerbitan, akses dan pemuliharaan maklumat.
- Menilai impak kemajuan teknologi terhadap peranan yang dimainkan oleh perpustakaan dan arkib terutamanya dalam menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat.

Tema

- Digital Resources: Managing and Challenges*
- Knowledge Sharing and Outreach Activities*
- User Behaviour and Practices*
- Self Directed Learning*
- Tools and Technology for KM Practices*
- Policy and Advocacy on Information*
- Best Practices and Innovations in Libraries and Archives*
- Information Sharing in the ASEAN Economic Community 2015*

Dua (2) orang penceramah utama telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja iaitu YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkefli Abdul Razak (Presiden, *International Association of Universities (IAU) UNESCO, Paris*). Beliau membentangkan kertas kerja bertajuk '*Education in a Globalised World: one knowledge? or many?*' dan Dato' Dr. Haji Raja Abdullah Yaacob (Penasihat, *Media Resources*) membentangkan '*New Challenges of Library & Information Professionals & the Impact on Their Education & Training*'.

Objectives

- As a venue for researchers, librarians, archives officer, knowledge worker, students and academics to share knowledge and experiences while establishing interaction and networking.
- To discuss and analyze new innovations, trends and best practices in management, communication and information access.
- Reviewing government policies on access to information, provision of library services, freedom of information, intellectual property rights and control access to public records for security reasons.
- Identify the potential and suitability of ICT applications in publication, access and conservation information.
- Assess the impact of technological progress on the role played by libraries and archives, particularly in promoting lifelong learning.

Theme

- Digital Resources: Management and Challenges*
- Knowledge Sharing and Outreach Activities*
- User Behaviour and Practices*
- Self Directed Learning*
- Tools and Technology for KM Practices*
- Policy and Advocacy on Information*
- Best Practices and Innovations in Libraries and Archives*
- Information Sharing in the ASEAN Economic Community 2015*

Two main speakers were invited to present their paper work. YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkefli Abdul Razak (President, *International Association of Universities (IAU) UNESCO, Paris*) presented a paper entitled '*Education in a Globalised World: One Knowledge? Or many?*' while Dato' Dr. Haji Raja Abdullah Yaacob (Adviser, *Media Resources*) presented on '*New Challenges of Library & Information Professionals & the Impact on Their Education & Training*'.

16 JANUARI 2015 | 16 JANUARY 2015



PUSTAKA DAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK ADAKAN PROGRAM KERJASAMA

PUSTAKA AND SARAWAK STATE DEPARTMENT OF EDUCATION HELD A COLLABORATION PROGRAM

Pustaka dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah mengadakan mesyuarat untuk beberapa program kerjasama sebagai usaha berterusan untuk membentuk masyarakat ke arah membudayakan tabiat membaca. Antaranya ialah bengkel latihan perpustakaan sekolah, kelas literasi maklumat, penggunaan pangkalan data atas talian untuk kemudahan rujukan dan kaji selidik, program kesedaran penyerahan bahan-bahan terbitan, penyertaan ahli Rakan Pustaka dan Rakan Arkib serta kerjasama melalui Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit. Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak juga telah bersetuju untuk menghantar tesis, projek kaji selidik dan artikel kepada Pustaka.

Pustaka and Sarawak State Department of Education held a meeting for several joint programs as a continuous effort in shaping the community into inculcating the reading habit. The programs include trainings for school libraries, information literacy skills classes, online databases usage for research and reference, legal deposit, Friends of the Library and Archive as well as collaboration on the Let's Read Together for 10 Minutes Program. The Sarawak State Education Department has also agreed to send thesis, research project and articles to Pustaka.

6-7 FEBRUARI 2015 | 6-7 FEBRUARY 2015



PROGRAM JANGKAUAN ILMU KE LONG BANGA, BARAM

OUTREACH TO LONG BANGA, UPPER BARAM

Pustaka Negeri Sarawak, Miri dengan kerjasama Rotary Club Of Miri, Hospital Miri, Hospital Sarikei dan Ketua Masyarakat, Temenggong Elizabeth Deng telah mengadakan program jangkauan ilmu di Long Banga, Baram. Objektif program ini adalah misi untuk kesihatan masyarakat kampung mengenai mata dan gigi. Selain itu, turut diadakan ENT Screening, khidmat nasihat kesihatan secara percuma serta kesedaran pendidikan seperti Sesi Literasi Maklumat, Bacaan Kegemaran Saya, Sesi Bercerita, tayangan filem, ceramah kesihatan, sukaneka dan cabutan bertuah.

Pustaka Negeri Sarawak, Miri jointly organize with Rotary Club of Miri, Miri Hospital, Sarikei Hospital and Community Leader, Temenggong Elizabeth Deng for an outreach program to Long Banga in Upper Baram River. The outreach program focus were on medical mission such as eye, dental, ENT screening, free medical consultation and medication and awareness on education such as Information Literacy Skills Session, My Favourite Read Session, Storytelling Session, movie screening, health talk, telematch and lucky draw.



BENKEL JOM TULIS PUISI BERSAMA JAIS SAHOK *'JOM TULIS PUISI' WORKSHOP WITH JAIS SAHOK*

Pustaka telah menganjurkan Bengkel Penulisan 'Jom Tulis Puisi Bersama Jais Sahok' yang telah dihadiri oleh 80 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, guru sekolah, persatuan penulis, pegawai kerajaan dan agensi swasta serta orang awam. Semasa bengkel, Jais Sahok telah berkongsi pengalaman dan pengetahuan beliau yang telah berkecimpung dalam bidang penulisan puisi lebih 20 tahun dengan para peserta.

Pustaka organized a writing workshop 'Jom Tulis Puisi Bersama Jais Sahok' (Let's Write Poems with Jais Sahok) which was attended by some 80 participants. They were students, teachers, writer association members, civil servants and those from the private sector as well as general public. During the workshop, Jais Sahok shared his 20-years experiences and knowledge in poetry writing.

10-11 MAC 2015 | 10-11 MARCH 2015

KURSUS PENGURUSAN REKOD DI KEMENTERIAN KEMUDAHAN AWAM SARAWAK

RECORD MANAGEMENT COURSE AT SARAWAK MINISTRY OF PUBLIC UTILITY



Kursus Pengurusan Rekod telah diadakan di Kementerian Kemudahan Awam Sarawak bertempat di Bilik Mesyuarat, Seksyen Utiliti, Wisma Satok, Kuching. Seramai 30 orang dari pelbagai peringkat jawatan di kementerian tersebut telah menjadi peserta kursus. Beberapa orang pegawai Bahagian Pengurusan Rekod, Pustaka telah memberi khidmat tunjuk ajar dan perkongsian ilmu berkaitan pengurusan rekod kepada para peserta.

A Record Management Course was conducted at the Sarawak Ministry of Public Utility which took place in the Utility Section's Meeting Room located in Wisma Satok, Kuching. A total of 30 participants from various level took part in the course which was facilitated by several officers from the Record Management Division of Pustaka.



PENYERAHAN BAHAN DARI THE BROOKE HERITAGE TRUST

HANDING OVER OF HISTORICAL ITEM FROM THE BROOKE HERITAGE TRUST

Pustaka telah menerima senaskah bahan sejarah yang bertajuk "Stewarts-Introduction To The Anvari Soohly" daripada Jason Brooke dari The Brooke Heritage Trust. Penyerahan bahan bersejarah ini merupakan kesinambungan kepada bahan-bahan sejarah yang pernah diserahkan oleh Brooke Heritage Trust kepada Pustaka sebelum ini yang dipelihara dan dijadikan bahan rujukan di Repositori Rekod Negeri.

Pustaka has received a historical item titled 'Stewarts-Introduction To The Anvari Soohly' from Jason Brooke of The Brooke Heritage Trust. The handing over of the item was a continuation of similar effort made by Brooke Heritage Trust to Pustaka. They are preserved and available at the State Records Repository as reference items.

23-27 MAC 2015 | 23-27 MARCH 2015

KERJA PENILAIAN REKOD DI JABATAN KERJA RAYA SARAWAK (JKR), KUCHING

RECORDS EVALUATION WORK AT SARAWAK PUBLIC WORKS DEPARTMENT, KUCHING

Sebanyak 365 fail telah dinilai oleh pegawai rekod dari Pustaka di Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR), Kuching. Proses penilaian ini dijalankan untuk mengenalpasti fail-fail yang mengandungi maklumat atau bahan rujukan yang bernilai untuk dipindahkan ke Pustaka untuk simpanan kekal sebelum tindakan pemusnahan dilakukan.

A total of 365 files have been assessed by the records officers of Pustaka at the Sarawak Public Works Department, Kuching. The assessment process was conducted to identify files that contain valuable information or reference material which were to be moved to Pustaka for permanent storage before being properly discarded.



26 MAC 2015 | 26 MARCH 2015

CERAMAH WANITA, KETAHUI HAK ANDA: PERCERAIAN

TALK ON 'WOMEN, KNOW YOUR RIGHTS: DIVORCE'

Pustaka Negeri Sarawak, Miri telah mengadakan ceramah bertajuk 'Wanita, Ketahui Hak Anda: Perceraian' telah menarik minat hampir 200 orang peserta. Objektif ceramah ini adalah untuk memberi kesedaran, pendidikan dan maklumat mengenai hak wanita dalam isu perceraian. Penceramah jemputan adalah Yong Suk Hui, Penolong Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Miri dan Siti Fairuz bt Fauzi, merupakan Penolong Pegawai Syariah.

Pustaka Negeri Sarawak, Miri organized a talk on 'Women, Know Your Rights: Divorce' and attracted overwhelming response of nearly 200 participants. The objective of the talk was to create awareness, educate and provide information on the rights of women in divorce cases. The invited speakers were from Legal Aid Department, Miri. Assistant Director Yong Suk Hui and Assistant Syariah Officer Siti Fairuz Bt. Fauzi.



28 MAC 2015 | 28 MARCH 2015



CERAMAH SARAWAKIANA: OPERASI 'SEMUT' WWII – WIRA YANG TIDAK DIDENDANG

Pustaka dengan kerjasama Friends of Sarawak Museum (FoSM) dan Sarawak Tourism Board (STF) telah menganjurkan Ceramah Sarawakiana: Operasi 'SEMUT' WWII – Wira yang Tidak Didendang. Ceramah yang dihadiri oleh 110 orang peserta ini diadakan bertujuan untuk memperingati ulangtahun ke-70 pendaratan pertama pasukan payung terjun "Z" Special Unit, Operasi SEMUT I di Bario semasa Perang Dunia Ke-2 di samping mendengar perkongsian pengalaman dan memoir oleh veteran perang yang terlibat dalam operasi tersebut, waris veteran dan penulis yang membuat kajian mengenai Operasi SEMUT.

SARAWAKIANA TALK: WWII 'SEMUT' OPERATION – UNSUNG HEROES

Pustaka with the cooperation of Friends of Sarawak Museum (FoSM) and Sarawak Tourism Board (STF), organized Sarawakiana Talk: WWII 'SEMUT' Operation – Unsung Heroes. It was attended by 110 participants and the purpose was to commemorate the 70th anniversary of the first landing by SEMUT Operation I "Z" Special Unit paratroopers in Bario during World War II. The war veterans shared their experience during the operation. Also sharing the memoir were the writers who did research on SEMUT Operation.

28 MAC 2015 | 28 MARCH 2015



CERAMAH 'CATSFURLIFE' TALK ON 'CATSFURLIFE'

Pustaka Negeri Sarawak, Miri telah mengadakan ceramah mengenai penjagaan kucing yang bertajuk "CatsFurLife" di Bilik AV. Ceramah ini bertujuan untuk menerangkan kepentingan vaksin, penjagaan kesihatan dan kebersihan kucing peliharaan. Ceramah ini telah disampaikan oleh wakil dari Live Animals Medical Centre iaitu Dr. Ling Tung King dan Chin Hui Yee. Seramai 60 orang pencinta kucing di sekitar Bandaraya Miri telah hadir mengikuti ceramah tersebut.

Pustaka Negeri Sarawak, Miri held a talk on cat care titled 'CatsFurLife' at the AV Room. Its focus was on the importance of vaccination, spaying and grooming of pet cats. The talk featured veterinarian Dr. Ling Tung King and groomer Chin Hui Yee, both from Live Animals Medical Centre. Some 60 cat lovers around Miri City came for the talk including members of Miri Cats Community who opened up a photobooth.

7 APRIL 2015 | 7 APRIL 2015

PROGRAM JANGKAUAN ILMU KOMUNITI DI SMK MATU, MATU DAN PERPUSTAKAAN AWAM MUKAH

COMMUNITY OUTREACH PROGRAM AT SMK MATU AND MUKAH PUBLIC LIBRARY

Bersempena dengan Program Jangkauan Ilmu, seramai 195 komuniti di luar bandar Matu dan 189 komuniti Mukah telah menyertai program Born To Read. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta tentang pentingnya pemupukan budaya membaca di kalangan anak-anak dan ibu yang sedang mengandung .

In conjunction with Outreach Program, a total of 195 community members from rural Matu and 189 community members from Mukah took part in the Born To Read program. The program was to provide exposure to the participants on the importance of reading enculturation amongst children and expecting mothers.





BENGGEL LITERASI MAKLUMAT DI JABATAN KERAJAAN *INFORMATION LITERACY WORKSHOP AT GOVERNMENT AGENCIES*

Pustaka telah mengadakan Bengkel Literasi Maklumat dan Media di beberapa buah jabatan kerajaan. Taklimat mengenai perkhidmatan sumber maklumat dalam talian (*online resources*) adalah antara yang didedahkan kepada para peserta bengkel. Bengkel Literasi Maklumat dan Media telah diadakan di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, Tropikal Peat Research Laboratory Unit, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Sarawak Biodiversity Centre, Lembaga Pemuliharaan dan Penyatuan Tanah Sarawak, Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak dan Craun Research Sdn. Bhd.

Pustaka organized Information and Media Literacy Skills Workshop for several government agencies. The briefing on online information resources service was one of the aspects given to the workshop participants. The workshop was held at Sarawak Syariah Judiciary Department, Tropical Peat Research Laboratory Unit, Sarawak Social Welfare Department, Kuching North City Hall, Sarawak Biodiversity Centre, Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority, Sarawak Women and Family Department and Craun Research Sdn. Bhd.

24 APRIL 2015 | 24 APRIL 2015

GUITAR WORKSHOP AND PERFORMANCE UNDER THE STARS WITH RON BUMBLEFOOT THAL

Persembahan oleh pemain gitar utama Gun N'Roses iaitu Ron Bumblefoot telah diadakan di Pustaka. Lawatan beliau ke Kuching merupakan kerjasama antara Pustaka dan Kedutaan Amerika Syarikat, Kuala Lumpur. Beliau telah memukau para peminat dengan persembahan hebat beliau bermain gitar serta memainkan lagu terbaru beliau. Selain itu, turut diadakan adalah bengkel dan demonstrasi bermain gitar yang telah berjaya menarik peminat beliau untuk hadir ke program tersebut.

GUITAR WORKSHOP AND PERFORMANCE UNDER THE STARS WITH RON BUMBLEFOOT THAL

Performance Under The Stars with Gun N'Roses co-lead guitarist Ron "Bumblefoot" was held at Pustaka. The visit here to Kuching was organised by Pustaka in collaboration with the US Embassy Kuala Lumpur. Bumblefoot stole the show by showing off his guitar skills and delivering an amazing performance of his latest singles. He also conducted a guitar workshop and demonstrated his guitar skills that attracted an overwhelming response from his fans.



25 APRIL 2015 | 25 APRIL 2015

LINCOLN CORNER PROGRAM: ENGLISH CAMP

English Camp diadakan bertujuan untuk mempromosi dan mengembangkan minat membaca dalam Bahasa Inggeris serta memberi nilai penting mengenai kewujudan perpustakaan awam. Seramai 60 orang pelajar dari SMK Semerah Padi dan SMK Bandar Semariang telah mengikuti program yang diadakan oleh Pustaka dengan kerjasama *Fulbright English Teaching Assistantship (ETA)*, Amerika Syarikat.

LINCOLN CORNER PROGRAM: ENGLISH CAMP

The English Camp, which was jointly organized with the Fulbright English Teaching Assistantship (ETA), was held with the objectives to promote and foster a love of reading in English and create the value of the public library. About 60 students from SMK Semerah Padi and SMK Bandar Semariang participated in this worthwhile program organised by ETA's Fulbright English Teaching Assistantship from United States of America.



4 MEI 2015 | 4 MAY 2015

PROGRAM JOM SIHAT DI KAMPUNG DEKAN, DALAT *LET'S GET HEALTHY PROGRAM IN KAMPUNG KEKAN, DALAT*

Pustaka telah menyertai program Jom Sihat di Kampung Kekan, Dalat. Seramai 300 orang penduduk kampung telah turut serta dalam Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit, Pameran Perpustakaan Keluarga Contoh dan ceramah oleh Ikon Membaca Pustaka, Kabir Dhaliwal. Program telah dirasmikan oleh YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak.

Pustaka took part in the Let's Get Healthy Program (Jom Sihat) held in Kampung Kekan, Dalat. A total of 300 residents took part in the Let's Read Together for 10 Minutes Program, Family Home Library Exhibition and talk by Pustaka's Reading Icon Kabir Dhaliwal. The program was officiated by YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Minister of Sarawak Welfare, Women and Family Development .



8-13 JUN 2015 | 8-13 JUNE 2015

PROGRAM HEROES IN YOU & ME

Pustaka Negeri Sarawak, Miri telah mengadakan program bertajuk 'Heroes in You & Me'. Program ini adalah sebagai usaha memberi kesedaran dan galakan kepada masyarakat Miri untuk menderma darah dan organ. Program ini turut diadakan bersama dengan pameran mengenai pendermaan darah dan organ serta fakta mengenai perkara tersebut. Selain itu, ceramah bertajuk 'Kesedaran Menderma Organ', Kempen Menderma Darah dan Pertandingan Mewarna untuk kanak-kanak berusia 4 hingga 9 tahun juga telah diadakan.



HEROES IN YOU & ME PROGRAM

Pustaka Negeri Sarawak, Miri organized a program titled 'Heroes in You & Me'. The program was an awareness effort to encourage blood and organ donation amongst the community in Miri City. The program commenced with an exhibition on both blood and organ donation which featured facts and figures of both lives-saving acts. A talk on 'Organ Donation Awareness', Blood Donation Drive and colouring competition were also held for children aged four (4) to nine (9) years.



9 JUN 2015 | 9 JUNE 2015

PUSTAKA BOOKAROO IN THE CITY 2015

Seramai 80 orang kanak-kanak bersama ibu bapa teruja dengan cerita dan persembahan muzik tradisional yang dipersembahkan oleh pasangan ayah dan anak, Made Taro dan Gede Tarmada dari Bali Indonesia. Persembahan selama satu (1) jam itu termasuk permainan untuk ibu bapa yang turut serta bersama anak-anak mereka. Semua peserta berasa seronok apabila lelaki berusia 75 tahun itu telah membawa mereka melalui imaginasi ke dunia haiwan.

PUSTAKA BOOKAROO IN THE CITY 2015

About 80 children and parents enjoyed the stories and traditional music played by father and son, Made Taro and Gede Tarmada from Bali, Indonesia. The one-hour performance also included game for parents who have brought their children with them. Everyone enjoyed themselves as the 75 year old man captured their imagination and brought them into the world of animal kingdom.

12 JUN 2015 | 12 JUNE 2015

MOVIE UNDER THE STARS 2015

Seramai 500 orang telah hadir untuk sama-sama menyaksikan tayangan filem animasi terhebat Hollywood iaitu Big Hero 6 di tasik Pustaka. Orang ramai yang hadir turut membawa bersama mereka alas duduk, bantal, kipas tangan serta makanan ringan untuk menyaksikan tayangan filem tersebut bersama keluarga masing-masing. Selain itu, cabutan bertuah juga turut diadakan. Tarikan bagi program ini adalah Pertandingan Pakaian Paling Menarik yang telah disertai oleh 19 orang kanak-kanak yang berusia di antara 4 hingga 12 tahun.

MOVIE UNDER THE STARS 2015

About 500 people turned up to watch the Hollywood animated blockbuster Big Hero 6 that was screened at Pustaka's ground near the lake. Members of the audience brought along their picnic mats, pillows, paper fans and snack for the event. A lucky draw was also held. The highlight of the program was a fancy dress competition. 19 children between the age of 4 to 12, participated in the event.



15-16 JUN 2015 | 15-16 JUNE 2015

BENKEL PENULISAN SEJARAH
HISTORY WRITING WORKSHOP



Pustaka dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menganjurkan Bengkel Penulisan Sejarah. Tujuan bengkel ini diadakan adalah sebagai salah satu usaha murni untuk meningkatkan penghayatan dan penulisan sejarah Malaysia khususnya Negeri Sarawak. Bengkel ini telah dihadiri oleh 63 orang peserta yang terdiri daripada guru dan pensyarah muda dari sekolah menengah dan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

Pustaka with the cooperation of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) organized History Writing Workshop. It was one of the efforts to enhance the appreciation and writing of Malaysia's history particularly in Sarawak. The workshop was attended by 63 participants who comprised teachers and lecturers from secondary schools as well as higher learning institutions.



25 JUN 2015 | 25 JUNE 2015

CERAMAH UMUM 'MH370 FLYING THROUGH CRISIS: LESSONS IN CRISIS'

Pustaka Negeri Sarawak, Miri dengan kerjasama Curtin Sarawak telah mengadakan ceramah komuniti bertajuk "MH370 Flying Through Crisis: Lessons in Crisis Management". Ceramah telah disampaikan oleh salah seorang penulis buku yang juga penceramah bagi ceramah tersebut iaitu Krishnamoorthy Muthaly. Ceramah interaktif ini telah meningkatkan kesedaran peserta mengenai betapa pentingnya mempelajari cara menangani dan mengurus krisis dari aspek komunikasi.

PUBLIC TALK ON 'MH370 FLYING THROUGH CRISIS: LESSONS IN CRISIS'

Pustaka Negeri Sarawak, Miri collaborated with Curtin Sarawak to bring to the public a talk entitled 'MH370 Flying Through Crisis: Lessons in Crisis Management'. The talk was conducted by one of the authors of the book of the same name ('MH370 Flying Through Crisis: Lessons in Crisis Management'), Krishnamoorthy Muthaly. The interactive talk raised awareness on the importance of learning ways in handling and managing crisis from the communications aspect.

29 OGOS 2015 | 29 AUGUST 2015

PROGRAM HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA

'STOP VIOLENCE AGAINST WOMEN' PROGRAM

Pustaka Negeri Sarawak, Miri dengan rakan kerjasama pintar mereka iaitu AVON telah mengadakan ceramah komuniti bertajuk 'Hentikan Keganasan Terhadap Wanita' yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Nurin ak Chunggat, pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, Miri. Seramai 70 orang telah menghadiri ceramah yang bertujuan untuk memupuk kesedaran dan memberi peluang kepada wanita (dan lelaki juga) untuk mengetahui betapa seriusnya masalah keganasan terhadap wanita terutama sekali di Malaysia.

Pustaka Negeri Sarawak, Miri collaborated with one of its smart partners – AVON for a public program entitled 'Stop Violence Against Women'. The highlight was a public talk by Nurin ak. Chunggat, an officer from Social Welfare Department, Miri. The talk was attended by some 70 participants. The program aimed to instill awareness and give the opportunity to women (and men too) to learn about the seriousness of violent crimes against women, particularly in Malaysia.



15 SEPTEMBER 2015 | 15 SEPTEMBER 2015



PROGRAM KOMUNITI ILMU YANG PERTAMA DI PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI

Pustaka Negeri Sarawak, Miri telah menganjurkan buat pertama kalinya Program Komuniti Ilmu. Sesi pertama program tersebut menentangahkan salah seorang dermawan terkemuka di Miri iaitu Temenggong Elizabeth Deng yang juga merupakan Ketua Masyarakat Kayan. Selain itu, Pustaka telah memberi penghargaan kepada salah seorang rakan kerjasama paling aktif iaitu Lucas Johnny, yang telah bersama-sama menyokong program Pustaka sejak 2003 sehingga beliau meninggal dunia pertengahan tahun ini. Program ini telah dihadiri oleh seramai 50 orang rakan kerjasama pintar Pustaka yang sedia ada dan mereka yang berpotensi untuk program yang akan datang.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI HAS IT'S FIRST KNOWLEDGE (KOMUNITI ILMU) COMMUNITY

Pustaka Negeri Sarawak, Miri organized its first ever Knowledge Community (Komuniti Ilmu) Program. The first session highlighted one of Miri's very own prominent philanthropists – Temenggong Elizabeth Deng who is also a Kayan community leader. Apart from that, Pustaka acknowledged and gave tribute to one of its most active collaborators – the late Lucas Johnny, who had collaborated with the library since 2003 until his passing mid this year. The event was attended by some 50 Pustaka's current and future event collaborators.

1 OKTOBER 2015 | 1 OCTOBER 2015

CERAMAH KESIHATAN: PENYAKIT EKZEMA HEALTH TALK: ECZEMA

Pustaka Negeri Sarawak, Miri telah menganjurkan Ceramah Kesihatan: Penyakit Ekzema. Seramai 200 orang peserta telah mengikuti ceramah yang disampaikan oleh Dr. Wong Tiong Hien, Pegawai Perubatan dari Jabatan Pediatrik, Hospital Miri. Ceramah tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai penyakit ekzema serta kaedah rawatan dan pencegahannya.

Pustaka Negeri Sarawak, Miri organized a health talk on Eczema. Some 200 participants attended the talk which was conducted by Dr. Wong Tiong Hien, Medical Officer from the Paediatric Ward of Miri Hospital. The talk was to increase the community awareness on eczema, its causes and treatments available.





MAJLIS PERASMIAN PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG SEMERA *KAMPUNG SEMERA VILLAGE LIBRARY OFFICIAL OPENING*

Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampung Semera telah disempurnakan oleh YB Hajah Nancy binti Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen (P200) Batang Sadong di Perpustakaan Desa Kampung Semera. Setakat ini perpustakaan tersebut telah mempunyai sebanyak 1,400 koleksi permulaan dan akan ditambah secara berperingkat. YB Hajah Nancy turut merasmikan tapak Taman Semaian Ilmu di Perpustakaan Desa Kampung Semera.

The official opening ceremony for Kampung Semera Village Library was done by YB Hajah Nancy binti Shukri, Minister at the Prime Minister's Office and P.200 Batang Sadong Parliamentary Member. The library has an initial collection 1,400 library materials and will be gradually increased. YB Hajah Nancy also officiated the opening of the library's Taman Semaian Ilmu.

23 OKTOBER 2015 | 23 OCTOBER 2015

CERAMAH HAK KANAK-KANAK *TALK ON CHILDREN'S RIGHTS*

Pustaka Negeri Sarawak, Miri telah menganjurkan Ceramah Hak Kanak-kanak. Ceramah diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat umum mengenai hak, kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak. Ceramah telah disampaikan oleh Siti Fatimah Buah, Pegawai Kebajikan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian Miri. Seramai 190 orang peserta telah mengikuti ceramah ini.

Pustaka Negeri Sarawak, Miri organized a talk on Children's Rights and it was attended by some 190 participants. The talk was to create an awareness and understanding on the rights, wellbeing and privileges of children. The talk was facilitated by Welfare Officer Siti Fatimah Buah from Miri Divisional Social Welfare Department.



7 NOVEMBER 2015 | 7 NOVEMBER 2015



CERAMAH SARAWAKIANA: SARAWAK DALAM PENUBUHAN MALAYSIA *SARAWAKIANA TALK: SARAWAK IN THE MAKING OF MALAYSIA*

Ceramah Sarawakiana: Sarawak dalam Penubuhan Malaysia telah diadakan di Bilik Koleksi Khas, Pustaka dan telah dihadiri oleh 70 orang peserta. Penceramah jemputan Professor Michael Leigh telah mula membuat kajian mengenai Sarawak pada tahun 1962 dan semenjak itu beliau menjadi seorang pemerhati yang aktif. Diharap ceramah seumpama ini dapat mendorong lebih ramai penyelidik dan ahli sejarah untuk membuat kajian sekaligus menggalakkan masyarakat Sarawak terutama generasi muda untuk mempelajari dan mengetahui sejarah negeri Sarawak.

A Sarawakiana Talk: "Sarawak in the Making of Malaysia" was held at the Special Collection Room, Pustaka with 70 participants in attendance. The speaker, Professor Michael Leigh commenced his research in Sarawak in 1962, and is an active observer ever since. It is hoped that this talk will invite more researchers and historians to do research as well as encouraging people of Sarawak especially younger generation to learn more about history of Sarawak.



PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN 2015 LOCAL CONTENT COMPETITION 2015

Kumpulan *The Oil Town Legend* dari SM Sains Miri muncul johan dalam Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2015 yang dianjurkan oleh Pustaka Negeri Sarawak, Miri. Pertandingan ini bertujuan untuk membimbing para peserta dalam pencarian maklumat melalui sumber-sumber yang sah, merancang, mengumpul, menganalisis, mentafsir, merumus dan merekod maklumat-maklumat yang diperolehi dalam membentuk hasil kerja yang lengkap dan komprehensif. Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka, Hajah Rashidah Haji Bolhassan.

Team The Oil Town Legend from SM Sains Miri emerged winner of the Local Content Competition 2015 organized by Pustaka Negeri Sarawak, Miri. The competition was organized to guide the participants on proper information researching, planning, accumulating, analysing, interpreting, summarizing and recording of the information in order to create a complete and comprehensive paper work. The ceremony was graced by Pustaka's Chief Executive Officer, Hajah Rashidah Haji Bolhassan.



CERAMAH SARAWAKIANA: BIAN LIAN - "THE ART OF MASK CHANGING OF CHINESE COMMUNITY IN SARAWAK"

Ceramah Sarawakiana: Bian Lian - "The Art of Mask Changing of Chinese Community in Sarawak" telah diadakan di Pustaka dan dihadiri 138 orang peserta. Penceramah jemputan pada hari tersebut adalah Edmond Wong Yik Tze yang merupakan seorang pemain sandiwara "Bian Lian", yang juga dikenali sebagai penghibur serba boleh termasuk membuat silap mata, menjadi badut dan menyanyi. Objektif ceramah ini adalah untuk menyetengahkan keunikan seni persembahan "Bian Lian" sekaligus memberi kesedaran mengenai keindahan budaya Cina di Sarawak kepada generasi muda.

SARAWAKIANA TALK: "BIAN LIAN - THE ART OF MASK CHANGING OF CHINESE COMMUNITY IN SARAWAK"

Sarawakiana Talk: "Bian Lian - The Art of Mask Changing of Chinese Community in Sarawak" was held at Pustaka with 138 participants in attendance. The speaker, Edmond Wong Yik Tze is one of the performers of "Bian Lian", a well-known entertainer with multi skills, including magic show, clown act and singing. The purpose of this talk was to highlight the uniqueness of "Bian Lian" art performance as well as to instill awareness regarding the beauty of Chinese culture in Sarawak, especially to the younger generation.



PUSTAKA NEGERI SARAWAK PENILAI UNTUK ANUGERAH PENGHARGAAN PENGURUSAN REKOD TERBAIK PERINGKAT MAJLIS / DEWAN BANDARAYA 2015

PUSTAKA NEGERI SARAWAK APPOINTED AS ASSESSOR FOR THE BEST RECORD MANAGEMENT AWARD FOR MUNICIPAL AND CITY COUNCILS

Majlis Penghargaan Pengurusan Rekod Terbaik Peringkat Majlis/ Dewan Bandaraya 2015 telah diadakan di Auditorium, Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audio Visual Negara (PPAV) Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Beberapa pegawai Bahagian Pengurusan Rekod, Pustaka telah menghadiri majlis tersebut selain dijemput sebagai panel penilai. Jemputan tersebut adalah kerana Pustaka merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan rekod bagi jabatan dan agensi kerajaan negeri Sarawak.

An appreciation ceremony for Best Record Management Award for Municipal and City Councils 2015 was held in the Auditorium of Malaysia National Archives, Kuala Lumpur. Several officers from Pustaka's Record Management Division attended the ceremony as well as being invited as assessing panel. The invitation was due to the fact that Pustaka is one of the agencies responsible for record management for government departments and agencies in Sarawak.



PROGRAM RAKAN PUSTAKA

Pustaka telah menganjurkan program Rakan Pustaka. Program sukarelawan ini telah disertai oleh pelajar-pelajar sekolah menengah, lepasan SPM/STPM dan pelajar sangkutan IPTA/IPTS. Antara program yang dianjurkan ialah aktiviti menyusun buku, pengumpulan bahan dan koleksi Pustaka, pengacaraan majlis serta perkongsian ilmu tentang idea, inovasi dan pengalaman para peserta.

FRIENDS OF THE LIBRARY PROGRAM

Pustaka organized a Friends of the Library Program and this voluntary program was attended by secondary school students, those who finished SPM/STPM and attachment students from higher learning institutions. The activities organized during the program included shelving, accumulation of library collection, emceeding as well as knowledge sharing on ideas, innovation and experience.



12 DISEMBER 2015
12 DECEMBER 2015

PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI DAN MEGA HOTEL ANJUR KEMPEN DERMA DARAH UNTUK RAIKAN SAMBUTAN ULANG TAHUN

Pustaka Negeri Sarawak, Miri dan Mega Hotel telah mengadakan Kempen Derma Darah Tahunan di Imperial Ballroom, Mega Hotel. Objektif kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai kepentingan menderma darah di mana ianya dapat membantu mereka yang memerlukan sekaligus sebagai projek komuniti yang melibatkan pelbagai bangsa. Selain itu, program ini juga membantu Bank Darah Miri untuk menambah bekalan darah semasa musim perayaan.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI AND MEGA HOTEL JOINTLY ORGANIZE BLOOD DONATION DRIVE TO COMMEMORATE ANNIVERSARIES

Pustaka Negeri Sarawak, Miri and Mega Hotel organized their annual Blood Donation Drive at Mega Hotel's Imperial Ballroom. The objective of the campaign was to build awareness on the importance of blood donation as it helps those in need as well as being a community project that involves all walks of life. It was also to assist Miri Blood Bank to stock up the blood supply for the festive season.

RINGKASAN STATISTIK PERKHIDMATAN KORPORAT

CORPORATE MANAGEMENT STATISTICAL SUMMARY

1. JUMLAH KAKITANGAN

STAFF STRENGTH




DISKRIPSI / DESCRIPTION

Bilangan keseluruhan kakitangan di Pustaka Negeri Sarawak adalah 151, yang terdiri daripada 114 jawatan JBC dan 37 jawatan kontrak masing-masing. Terdapat peningkatan sebanyak dua (2) jawatan JBC, satu (1) setiap satu untuk Kuching dan Miri. Walau bagaimanapun, tidak ada peningkatan kakitangan kontrak pada 2015. Pada tahun 2015, proses pengambilan untuk mengisi jawatan JBC baru telah diterbitkan melalui sistem e-recruitment bagi jawatan Pegawai Tadbir, N41, Pustakawan, S41 dan Penolong Pustakawan, S27. Semua jawatan akan diisi pada 2016.

The overall number of staff in Pustaka Negeri Sarawak is 151, comprising of 114 JBC posts and 37 Contract posts respectively. There was an increase of two (2) JBC posts, one (1) each for Kuching and Miri. However, there was no increase of Contract staff in 2015. In 2015, recruitment process to fill new JBC posts was published through e-recruitment system for the posts of Administration Officer, N41, Librarian, S41, and Assistant Librarian, S27. All the posts will be filled in 2016.

2. BILANGAN KURSUS UMUM & KHUSUS

NUMBER OF GENERIC & SPECIFIC TRAINING



DISKRIPSI / DESCRIPTION

Di sepanjang tahun 2015, frekuensi menghadiri kursus khusus lebih tinggi berbanding dengan kursus umum iaitu sebanyak 82.95% berbanding dengan kursus umum sebanyak 17.05% sahaja. Statistik ini adalah lebih memberangsangkan memandangkan penekanan latihan adalah lebih kepada bidang tugas hakiki staf.

In year 2015, the frequency of attending specific course is relevantly higher if compared to the generic course of 82.95% in comparison with only 17.05% for generic courses. This statistic portrays positive result towards enhancing the staff specific skills and the emphasis on their intrinsic duties at work.

3) JUMLAH LATIHAN

NUMBER OF TRAINING CONDUCTED

Jumlah staf dilatih <i>No. of staff trained</i>	123
Jumlah kursus dijalankan <i>No. of staff trained</i>	129


DISKRIPSI / DESCRIPTION

Di sepanjang tahun 2015, jumlah kursus yang telah dijalankan adalah sebanyak 129 kursus dengan jumlah staf yang dilatih sebanyak 123 orang termasuk staf tetap dan kontrak.

In year 2015, a total of 129 courses were successfully conducted and a total of 123 staff were being trained inclusive of permanent and contract staff.

4) JUMLAH & KEKERAPAN STAF BERKURSUS

TOTAL NUMBER & FREQUENCY OF STAFF TRAINED



terus ke muka surat 53
continued to page 53

sambung dari muka surat 52 / continued from page 52

DISKRIPSI / DESCRIPTION

Di sepanjang tahun 2015, jumlah kursus yang telah berjaya dijalankan adalah sebanyak 129 kursus dan dihadiri oleh seramai 123 orang yang terdiri daripada staf kontrak serta staf tetap. Statistik juga memaparkan jumlah pegawai Skel A & B serta staf sokongan yang menghadiri kursus pada setiap bulan. Peratusan Staf Sokongan yang mengikuti kursus berbanding dengan Pegawai A & B melebihi 50% setiap bulan kecuali pada bulan Februari dan Oktober.

In year 2015, total number of training successfully conducted was 129 and attended by 123 people comprises of permanent and contract staff. Statistic shows that the frequency of Support Staff attending courses is relevantly higher in comparison with Scale A & B officers with an average of more than 50% monthly except for the months of February and October.

5. PENGGUNAAN KEMUDAHAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK

USAGE OF FACILITIES IN PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Lain-lain (Komputer/Bilik Perbincangan 1 dan 2/ Kerusi Banquet) <i>Others (Computers/Discussion Room 1 and 2/Banquet Chairs)</i>	6650
Seminar 1 dan 2/ <i>Seminar 1 and 2</i>	129
Seminar 2/ <i>Seminar 2</i>	129
Seminar 1/ <i>Seminar 1</i>	129
Galeri PUSTAKA/ <i>PUSTAKA Galery</i>	55
Bilik Latihan ICT/ <i>ICT Training Room</i>	122

DISKRIPSI / DESCRIPTION

Pada tahun 2015, Bilik Seminar merupakan fasiliti yang paling kerap disewa oleh pemohon sama ada daripada luar atau dalaman iaitu sebanyak 129 kali. Ini diikuti oleh Bilik Persidangan 1 sebanyak 126 kali penggunaan, Bilik Latihan ICT sebanyak 122 kali penggunaan dan Bilik Persidangan 2 sebanyak 115 kali penggunaan.

Manakala Auditorium telah menerima penggunaan sebanyak 61 kali dan Galeri Pustaka adalah sebanyak 55 kali. Bagi kemudahan lain-lain pula menerima jumlah penggunaan tertinggi iaitu sebanyak 6650 unit. Ini disebabkan oleh kebanyakan peralatan seperti kerusi bankuet terutamanya sering disewa untuk majlis yang diadakan pada hujung minggu seperti Majlis Perkahwinan di dalam Galeri Pustaka Negeri Sarawak.

In year 2015, Seminar Room is the most frequently rented facility by 129 times. This was followed by Conference Room 1 with a total of usage 126 times, ICT Training Room at 122 times while Conference Room 2 was for 115 times.

The Auditorium was used for 61 times while the Gallery was for 55 times. As for the other facilities, a total usage of 6650 times was recorded. This is because most equipment such as banquet chairs were often being rented especially for the programs held at the Gallery on weekends.

6) PENGGUNAAN KEMUDAHAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI

USAGE OF FACILITIES IN PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI

Bilik Perbincangan / Discussion Room	484
Bilik Mesyuarat / Meeting Room	293
Bilik Serbaguna / Multipurpose Room	96
Bilik AV / Bilik AV	177
Auditorium / Auditorium	158



DISKRIPSI / DESCRIPTION

Pustaka Negeri Sarawak, Miri mempunyai lima (5) buah bilik atau kemudahan bilik untuk disewakan kepada pengguna sama ada dari luar atau untuk kegunaan unit dalaman Pustaka. Pada tahun 2015, penggunaan Bilik Perbincangan adalah paling tinggi dengan 484 kali digunakan. Ia diikuti dengan Bilik Mesyuarat sebanyak 293, seterusnya Bilik Audio Visual (A.V) sebanyak 177, Auditorium sebanyak 158 dan Bilik Serbaguna sebanyak 96 kali digunakan.

Bilik Perbincangan disewakan kepada ahli Pustaka sahaja yang kebanyakannya adalah terdiri daripada para pelajar manakala bilik-bilik yang lain selalunya digunakan oleh pihak luar seperti agensi-agensi kerajaan, swasta, NGO, persatuan, sekolah, kolej dan juga orang perseorangan.


Pustaka Negeri Sarawak, Miri have five (5) types of function rooms for rent. In 2015, Discussion Room recorded the highest usage of 484 times followed by Meeting Room at 293, Audio Visual (A.V) Room at 177, Auditorium at 158 and the Multipurpose Room at 96 times.

Discussion Room is for the registered members only and most of them are from schools, colleges and universities students. While, the other rooms were most popularly used by government agencies, private sectors, NGOs, associations, schools, colleges as well as for personal use.



1. BILANGAN AHLI BARU

NUMBER OF NEW MEMBERS



DISKRIPSI / DESCRIPTION

KUCHING:

Bilangan ahli baru pada tahun 2015 di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching sebanyak 4497 berkurangan berbanding 2014 iaitu sebanyak 20,981. Ini kerana pada tahun 2014, jumlah tersebut disumbang dengan keahlian secara automatik kakitangan kerajaan Negeri Sarawak.

The number of new members in 2015 at Pustaka Negeri Sarawak, Kuching was recorded at 4497, a drop as compared to 2014 where new members then were at 20,981. The increase in 2014 was contributed by the Sarawak state government employees who were given membership status automatically.

MIRI:

Jumlah keseluruhan ahli baru bagi tahun 2015. Seramai 5243 orang ahli baru telah mendaftar di Pustaka Negeri Sarawak, Miri.

The total number of new members for Pustaka Negeri Sarawak, Miri for the year 2015. A total of 5243 new members have enrolled in Pustaka Negeri Sarawak.

2. BILANGAN AHLI YANG BERDAFTAR

NUMBER OF REGISTERED MEMBERS



DISKRIPSI / DESCRIPTION

KUCHING:

Peningkatan kepada bilangan ahli yang berdaftar tahun 2015 di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching iaitu sebanyak 110,568 orang berbanding tahun 2014 iaitu sebanyak 102,516 orang.

The number of registered members in 2015 at Pustaka Negeri Sarawak, Kuching was at 110,568, this is an increase as compared to 2014 where total registered members were at 102,516.

MIRI:

Jumlah keseluruhan ahli berdaftar Pustaka Negeri Sarawak, Miri bagi tahun 2015. Seramai 30,166 orang ahli berdaftar bagi Pustaka Negeri Sarawak, Miri.

The overall number of registered members of Pustaka Negeri Sarawak, Miri for the year 2015 with a total of 30,166 members.

3. BILANGAN AHLI YANG AKTIF NUMBER OF ACTIVE MEMBERS



DISKRIPSI / DESCRIPTION

KUCHING:

Bilangan ahli yang aktif pada tahun 2015 di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching sebanyak 9510 berkurangan berbanding 2014 iaitu sebanyak 23,892. Ini kerana pada tahun 2014, jumlah tersebut disumbang dengan keahlian secara automatik kakitangan kerajaan Negeri Sarawak.


Active members in 2015 at Pustaka Negeri Sarawak, Kuching was recorded at 9,510, a decline as compared to 2014 of where there were 23,892 active members. The increase in 2014 was mainly due to the automatic registration of the Sarawak state government employees.

MIRI:

Bilangan ahli yang aktif Pustaka Negeri Sarawak, Miri bagi tahun 2015. Seramai 6272 orang keahlian yang aktif bagi Pustaka Negeri Sarawak, Miri.

Active members of Pustaka Negeri Sarawak, Miri for the year 2015 was recorded at 6,272.

4. BILANGAN PENGGUNA ATAU PENGUNJUNG NUMBER OF USERS OR VISITORS



DISKRIPSI / DESCRIPTION

KUCHING:


Penggunaan terhadap perkhidmatan serta lawatan pengunjung telah menunjukkan kesinambungan daripada tahun sebelumnya. The number of library users and visitors have seen a continuation in growth as of the previous year.

MIRI:

Bilangan pengguna kaunter dan pengunjung Pustaka Negeri Sarawak, Miri bagi tahun 2015. Seramai 53,352 orang adalah pengguna kaunter dan seramai 1,338 orang adalah pelawat bagi Pustaka Negeri Sarawak, Miri.

The number of counter users and visitors for Pustaka Negeri Sarawak, Miri for the year 2015 was recorded at 53,352 while the number of visitors were at 1,338.

5. BILANGAN TRANSAKSI SIRKULASI NUMBER OF CIRCULATION TRANSACTION



DISKRIPSI / DESCRIPTION

KUCHING:

Peningkatan jumlah pinjaman, pemulangan dan penggunaan dalaman pada tahun 2015 seperti tertera di atas berbanding tahun sebelumnya iaitu pinjaman sebanyak 98,098, pemulangan sebanyak 97,336 dan penggunaan dalaman sebanyak 16,865.


There was an increase in loans at 98,098, returns at 97,336 and an internal usage at 16,865 for 2015 respectively.

MIRI:

Bilangan transaksi sirkulasi Pustaka Negeri Sarawak, Miri bagi tahun 2015. Sebanyak 61,050 bahan perpustakaan telah dipinjam keluar dan sebanyak 60,467 bahan telah dipulangkan ke Pustaka Negeri Sarawak, Miri.

Circulation transactions for Pustaka Negeri Sarawak, Miri for 2015 were: 61,050 items checked-out and 60,467 items checked-in respectively.

6. STATISTIK AKTIVITI ACTIVITY STATISTICS



DISKRIPSI / DESCRIPTION


KUCHING:

Peningkatan jumlah aktiviti pada tahun 2015 sebanyak 387 berbanding tahun 2014 sebanyak 151 aktiviti.
Number of activities have increased to 387 in 2015 as compared to just 151 in 2014.

MIRI:

Statistik aktiviti di Pustaka Negeri Sarawak, Miri bagi tahun 2015. Jumlah aktiviti kanak-kanak adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 96 aktiviti diikuti program jangkauan ilmu sebanyak 51 aktiviti dan 50 aktiviti bersama rakan pintar.
Number of activities carried out at Pustaka Negeri Sarawak, Miri for 2015 showed that children's activity was the most with a total of 96 activities followed by Outreach Program of 51 activities and 50 activities held with our smart partners.

7. STATISTIK PERKHIDMATAN RUJUKAN REFERENCE SERVICES STATISTICS



DISKRIPSI / DESCRIPTION


KUCHING:

Penggunaan kaunter maklumat juga meningkat pada tahun 2015 di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching iaitu 2,821 berbanding tahun 2014 iaitu 1,182 sahaja. Pertanyaan pengguna melalui librarian@sarawaknet / GENIE turut memberangsangkan iaitu sebanyak 1,013 bagi tahun 2015.
Usage of information counter increased in 2015 at the Pustaka Negeri Sarawak, Kuching , at 2,821 as compared to 2014 which was only at 1,182. User questions received via librarian @ SarawakNet / GENIE also had an increase of 1,013 for 2015.

MIRI:

Statistik perkhidmatan rujukan di Pustaka Negeri Sarawak, Miri bagi tahun 2015. Sebanyak 392 transaksi/aktiviti dibuat melalui kaunter perkhidmatan rujukan di Pustaka Negeri Sarawak, Miri.
The number of reference services conducted at Pustaka Negeri Sarawak, Miri for the year 2015 was at 392 transactions/ activities.

8. BILANGAN KOLEKSI MENGIKUT KATEGORI NUMBER OF COLLECTION BY CATEGORY



DISKRIPSI / DESCRIPTION

KUCHING:

Untuk tahun 2015 di Kuching, koleksi keseluruhan bahan bercetak ialah sebanyak 227,598 bahan dan bahan bukan bercetak adalah sebanyak 11,658 bahan.


For 2015, the number of printed materials was 227,598 items while the non-print materials were at 11,658 items for Kuching.

MIRI:

Jumlah keseluruhan bilangan koleksi mengikut jenis koleksi bagi tahun 2015 di Miri. Secara keseluruhan terdapat 51,287 jumlah koleksi bahan bercetak dan 299 koleksi bahan bukan bercetak.

For 2015, the number of printed materials was at 51,287 items while the non-print materials were at 299 for Miri.

9. BILANGAN PEMBELIAN BAHAN MENGIKUT TAJUK NUMBER OF ITEMS PURCHASED BY TITLE



DISKRIPSI / DESCRIPTION

KUCHING:

Sebanyak 5927 bahan telah dibeli pada tahun 2015 di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching.


A total of 5927 items purchased in 2015 at Pustaka Negeri Sarawak, Kuching.

MIRI:

Jumlah keseluruhan bilangan pembelian bahan mengikut tajuk bagi Pustaka Negeri Sarawak, Miri bagi Tahun 2015. Sejumlah 4395 bahan meliputi pelbagai tajuk telah dibeli bagi koleksi 2015.

The number of items purchased for Pustaka Negeri Sarawak, Miri for the year 2015 was 4,395 titles.

10. BILANGAN BAHAN DIPROSES NUMBER OF PROCESSING ITEMS



DISKRIPSI / DESCRIPTION

KUCHING:

Sebanyak 4,649 bahan telah diproses yang memerlukan pemasangan barkod, jaket, nombor panggilan, cop dan tarikh terima pada bahan. Ini termasuk penyisipan RFID dan jalur keselamatan pada bahan. Bahan-bahan adalah termasuk buku-buku, suratkhobar, majalah, jurnal, CD dan lain lain.


A total of 4,649 items processed which require the attachment of barcode, jacketing, call number, seal and date received on the items. This also includes the insertion of RFID and security strip on the items. The items include books, newspapers, magazines, journal, CD's and others.

MIRI:

Bilangan bahan perpustakaan yang telah diproses bagi tahun 2015, Pustaka Negeri Sarawak, Miri. Sejumlah 5,307 bahan perpustakaan yang telah diproses sepanjang tahun 2015.

A total of 5,307 of library materials were processed throughout the year 2015 for Pustaka Negeri Sarawak, Miri.

11. BILANGAN PENGGUNAAN JURNAL NUMBER OF JOURNAL USAGE



DISKRIPSI / DESCRIPTION

KUCHING:

Sebanyak 339 penggunaan jurnal telah dicatatkan daripada sejumlah 316 jurnal pada tahun 2015.

A total of 339 out of 316 journals were used in 2015.


MIRI:

Bilangan penggunaan jurnal bagi Pustaka Negeri Sarawak, Miri bagi tahun 2015. Sebanyak 38 buah jurnal dan penggunaan mencatatkan sebanyak 847 bagi tahun 2015.

The statistics for the usage of journal for year 2015 for Pustaka Negeri Sarawak, Miri showed a usage of 847 times from 38 journals.

12. STATISTIK PENGGUNAAN PANGKALAN DATA DALAM TALIAN

ONLINE DATABASE USAGE STATISTICS



DISKRIPSI / DESCRIPTION

KUCHING:

31 buah pangkalan data telah dilanggan dalam tahun 2015. Pangkalan Data Library Press Display dan Emerald mencatatkan penggunaan paling tinggi iaitu sebanyak 1955 dan 1128 penggunaan.


31 online databases were subscribed in 2015. Library Press Display and Emerald online databases recorded the highest usage with a total of 1,955 and 1,128 used.

MIRI:

Bilangan penggunaan pangkalan data dalam talian bagi jurnal yang terdapat di Pustaka Negeri Sarawak, Miri bagi tahun 2015. Penggunaan pangkalan data talian Library Press Display mencatatkan penggunaan tertinggi sebanyak 1,476 penggunaan, diikuti penggunaan Emerald mencatatkan sebanyak 1048.

The number of usage of online database for the year 2015 for Pustaka Negeri Sarawak, Miri showed that the Library Press Display as the highest with a total of usage of 1,476, while Emerald showed the second highest with a total usage 1,048.

13. STATISTIK CAPAIAN JARAK JAUH PANGKALAN DATA DALAM TALIAN ONLINE DATABASE REMOTE ACCESS STATISTIC



DISKRIPSI / DESCRIPTION

KUCHING:

Sarawaknet (42%) dan Internet (41%) merupakan capaian jarak jauh yang paling digemari oleh pengguna untuk mengakses pangkalan data dalam talian. Kedua-duanya merangkumi 83% daripada keseluruhan capaian.

The Sarawaknet (42%) and the Internet (41%) were the most favorable remote access used by users to access the online databases. Both contributed to an 83% total access.

MIRI:

Statistik capaian jarak jauh pangkalan data dalam talian bagi 4 sesi. Bilangan sesi penggunaan SarawakNet dan internet adalah yang tertinggi diantara PNS Miri dan juga Pustaka dimana masing-masing mencatatkan 533 dan juga 301 sesi penggunaan di tempat tersebut.

Access to online databases for 4 channels which consisted of the Internet, PNS Miri, Pustaka and SarawakNet. Access to the SarawakNet recorded the highest as compared to PNS Miri and Pustaka which consisted of 533 and 301 access respectively.

14. PENGGUNAAN UNIT PERKHIDMATAN MULTIMEDIA BERGERAK (E-PUSTAKA) MOBILE MULTIMEDIA SERVICES UNIT (E-PUSTAKA) BENEFICIARIES

Disember <i>December</i>	Perkhitmatan e-pustaka telah ditamatkan <i>e-pustaka services has been terminated</i>
November <i>November</i>	Perkhitmatan e-pustaka telah ditamatkan <i>e-pustaka services has been terminated</i>
Oktober <i>October</i>	Perkhitmatan e-pustaka telah ditamatkan <i>e-pustaka services has been terminated</i>
September <i>September</i>	Perkhitmatan e-pustaka telah ditamatkan <i>e-pustaka services has been terminated</i>
Ogos <i>August</i>	Perkhitmatan e-pustaka telah ditamatkan <i>e-pustaka services has been terminated</i>
Julai <i>July</i>	Perkhitmatan e-pustaka telah ditamatkan <i>e-pustaka services has been terminated</i>
Jun <i>June</i>	Perkhitmatan e-pustaka telah ditamatkan <i>e-pustaka services has been terminated</i>
Mei <i>May</i>	381
April <i>April</i>	570
Mac <i>March</i>	450
Februari <i>February</i>	381
Januari <i>January</i>	285

DISKRIPSI / DESCRIPTION

Pada tahun 2015, Unit Perkhidmatan Multimedia Bergerak (e-Pustaka) hanya dijalankan di Sarikei dan telah ditamatkan perkhidmatannya bermula Jun 2015 kerana telah didapati kurang revelan dengan keadaan semasa.

Unit Perkhidmatan Multimedia Bergerak (e-Pustaka) telah mengadakan program Literasi Maklumat dan Celik ICT secara berjadual untuk para guru dan pelajar di sekolah-sekolah di sekitar Sarikei seperti berikut :

1. SK Sg. Sentebu
2. SJK Tiong Ho
3. SJK Siung Hua
4. SK Penghulu Andin
5. SK Sg. Petai


Program ini telah melibatkan seramai 2,067 secara keseluruhan.

In 2015, the Mobile Multimedia Services Unit (e-Pustaka) was carried out in Sarikei and has been terminated in June 2015. Mobile Multimedia Services Unit (e-Pustaka) have conducted Information Literacy and IT Literacy classes among teachers and students in Sarikei regularly at the following schools:

1. SK Sg. Sentebu
2. SJK Tiong Ho
3. SJK Siung Hua
4. SK Penghulu Andin
5. SK Sg. petai

Overall, a total of 2,067 participants were involved.

15. PROGRAM JANGKAUAN ILMU – PEMANTAUAN OUTREACH PROGRAMS – MONITORING



DISKRIPSI / DESCRIPTION

Sebanyak 30 program Jangkauan Ilmu telah dijalankan di seluruh Negeri Sarawak yang telah melibatkan seramai 1,486 orang peserta. Lokasi yang dipilih adalah berdasarkan kerjasama dengan pihak sekolah, institusi pengajian, agensi dan komuniti berdasarkan kesesuaian mengikut lokasi dan golongan sasaran yang berkaitan.

Lazimnya golongan sasaran adalah terdiri daripada kanak-kanak sehingga dewasa. Program Jangkauan Ilmu yang lazimnya diadakan untuk komuniti adalah seperti berikut :


- a. "Born To Read"
- b. Bacaan Kegemaran Saya
- c. Program Literasi Malumat
- d. Program Kesedaran Teknologi Maklumat

30 outreach programs had been conducted throughout Sarawak involving 1,486 participants. The site chosen was based on collaboration with schools, universities, and community, agencies by location and suitability of the target group concerned. The target group was comprised of children and adults. The Outreach Program, usually held for the community were as follows:

- a. "Born to Read"*
- b. My Favorite Reads*
- c. Information Literacy Program*
- d. Information Technology Awareness Program*

1. STATISTIK AKTIVITI SERAHAN BAHAN

LEGAL DEPOSIT ACTIVITIES STATISTICAL



DISKRIPSI / DESCRIPTION

Aktiviti penguatkuasaan dan pengarkiban laman web dilakukan pada setiap suku tahunan iaitu 32 sesi bagi aktiviti penguatkuasaan dan 132 laman web yang telah diarkibkan pada tahun 2015. Bagi aktiviti seminar, taklimat dan tinjauan bahan terbitan di pasaran diadakan secara tahunan iaitu masing-masing 1 dan 3 sesi untuk seminar dan taklimat. Walaubagaimanapun, untuk tinjauan bahan terbitan di pasaran tiada aktiviti dilakukan pada tahun ini.

Khidmat nasihat adalah perkhidmatan yang diberikan kepada penerbit dan penulis semasa aktiviti kesedaran penyerahan bahan terbitan dijalankan atau atas permohonan daripada penerbit atau penulis. Pada tahun 2015, sebanyak 118 sesi khidmat nasihat Permohonan Nombor Piawaian Antarabangsa (ISN) dan 63 sesi khidmat nasihat Pengkatalogan Dalam Penerbitan(PDP) telah dilakukan.

Tinjauan bahan media dilakukan secara harian iaitu sebanyak 246 sesi telah berjaya dilakukan pada tahun 2015. Selain itu, pameran bahan serahan dalam bentuk fizikal bahan dan atas talian pula dilakukan secara bulanan iaitu sebanyak 24 sesi untuk kedua-dua pameran.

Legal Deposit Enforcement and web archiving were done on a quarterly basis. Thirty two (32) sessions of legal deposit enforcement were conducted while 132 websites were archived. Legal Deposit seminar, briefing and off-site inspection were conducted on an annual basis, respectively 1 and 3 sessions for seminar and briefing. However, for the off-site inspection no activity was carried out this year.

Advisory services were given to authors and publishers during legal deposit awareness programs or upon request. In 2015, 118 advisory sessions for International Standard Number (ISN) and 63 sessions for Cataloguing In Publication (CIP) were conducted.

Media Screening was done daily and 246 sessions of media screening was successfully conducted in 2015. The physical and on-line exhibition were done every month, recording 24 sessions for both exhibitions.

1.1. PENERIMAAN SURAT KHABAR LEGAL DEPOSIT RECEIVING OF LEGAL DEPOSIT NEWSPAPERS

Disember <i>December</i>	150	150	150	155	150	150
November <i>November</i>	150	150	150	150	150	150
Oktober <i>October</i>	155	155	155	155	155	155
September <i>September</i>	150	150	150	150	150	150
Ogos <i>August</i>	155	155	155	155	155	155
Julai <i>July</i>	150	150	150	155	145	145
Jun <i>June</i>	145	145	145	150	140	140
Mei <i>May</i>	145	150	150	155	150	150
April <i>April</i>	150	150	150	150	150	150
Mac <i>March</i>	155	155	155	155	155	155
Februari <i>February</i>	115	130	130	140	130	130
Januari <i>January</i>	150	155	155	155	150	150


International
 The Borneo Post
 Utusan Borneo
 See Hua Daily
 Utusan Sarawak
 New Sarawak Tribune

DISKRIPSI / DESCRIPTION

Bilangan penerimaan suratkhabar Legal Deposit untuk tahun 2015. Jumlah penerimaan tertinggi dicatatkan pada bulan Mac, Ogos dan Oktober (930 naskhah) manakala penerimaan terendah dicatatkan pada bulan Februari (775 naskhah) disebabkan cuti dan jumlah hari yang terendah pada tahun tersebut. Jumlah keseluruhan penerimaan bahan dari bulan Januari hingga Disember adalah sebanyak 10,745 naskhah.

The number of newspapers received through Legal Deposit for the year 2015. The highest number of newspaper received were recorded in March, August and October (930 copies) while the lowest number of newspapers received was recorded in February (775 copies) due to public holidays and February being the shortest month of the year. The overall total received from January to December was 10,745 copies.

2. PENERIMAAN BAHAN-BAHAN SERAHAN RECEIPT OF LEGAL DEPOSIT ITEMS




DISKRIPSI / DESCRIPTION

KUCHING:

Penerimaan bahan terbitan untuk tahun 2015. Jumlah penerimaan tertinggi adalah merupakan bahan terbitan bersiri dan Sarawak Government Gazette iaitu sebanyak 741 dan 570 naskah. Pada keseluruhannya terdapat 570 tajuk dan 2,249 naskah bahan telah diterima di bawah keperluan penyerahan bahan-bahan terbitan pada tahun 2015.

The number of Legal Deposit items received for 2015. Serials publication and Sarawak Government Gazette were the highest number of items received at 741 and 570 copies respectively. Overall, 570 titles and 2249 copies were received under the legal deposit requirements in 2015.

3. STATISTIK AKTIVITI PENGURUSAN REKOD RECORDS MANAGEMENT ACTIVITIES STATISTIC



- Penilaian Rekod/ *Appraisal of Records*
- Mesyuarat/ *Meetings*
- Taklimat/ *Briefings*
- Penerimaan Senarai Pemindahan Rekod/ *Receipt of Records Transfer List*
- Pelupusan Rekod/ *Disposal of Records*
- Kursus Pengurusan Rekod/ *Records Management Trainings*
- Pameran/ *Exhibition*
- State Records and Archives Retention Committee (SRARC)

DISKRIPSI / DESCRIPTION

Sebanyak 771 fail telah dinilai di 5 buah jabatan.

A total of 771 files have been appraised in 5 departments.

12 mesyuarat berkaitan pengurusan rekod telah dijalankan pada tahun 2015.

12 meetings on records management were conducted in 2015.

7 taklimat pengurusan telah diadakan dan melibatkan 90 orang pegawai.

7 briefing on records management were conducted involving 90 officers.

Sebanyak 3865 fail yang telah disenaraikan diterima daripada 15 jabatan.

A total of 3865 files that were listed received from 15 departments.

Menjalankan lawatan khidmat nasihat pengurusan rekod di 18 buah jabatan dan melibatkan 81 orang pegawai.

Conducting inspection and advisory visits to 18 departments which involved 81 officers.

Sejumlah 1272 fail telah dilupuskan daripada 13 buah jabatan.

A total of 1272 files were disposed off from 13 departments.

Sebanyak 7 latihan pengurusan rekod telah dijalankan dan melibatkan 183 orang pegawai.

Organising 7 records management training and were attended by 183 participants.

State Records and Archives Retention Committee meluluskan pelupusan ke atas 1620 fail daripada 13 buah jabatan.


State Records and Archives Retention Committee has given approval to disposed 1620 files from 13 departments.

Menjalankan satu pameran pengurusan rekod.

Conduct one records management exhibition.

4. STATISTIK AKTIVITI PENGURUSAN ARKIB

ARCHIVES MANAGEMENT ACTIVITIES STATISTICAL



DISKRIPSI / DESCRIPTION

KUCHING:

Kami menerima 241 rekod awam dan arkib yang dipindahkan dari agensi-agens kerajaan. Kami menyelia dan memberi petunjuk kepada agensi-agens kerajaan dalam pemilihan dan pemindahan rekod kepada kami untuk tujuan pemeliharaan kekal. Daripada 100,000 koleksi rekod dan arkib, 2129 koleksi telah diwasap pada tahun 2015. Semua rekod dan arkib yang dipindahkan ke Repositori Rekod Negeri akan diwasap dengan teknologi herba untuk memastikan kebersihan rekod dan arkib serta untuk pemeliharaan jangka panjang. Rekod dan arkib dipelihara untuk generasi akan datang dalam apa jua format yang diperlukan. Pemprosesan rekod dan arkib dilakukan oleh agensi-agens sebelum pemindahan ke Pustaka Negeri Sarawak, Repositori Rekod Negeri. Walau bagaimanapun, 1667 rekod dipindahkan ke Pustaka telah diproses secara dalaman berdasarkan piawaian arkib pada tahun ini. Sistem Pengurusan Rekod dan Arkib (ARMS) telah menggantikan COMPASS pada tahun 2015. Sejumlah 5005 rekod telah masukkan ke dalam sistem ini untuk tujuan pemeliharaan dan dapatan semula. Pada tahun 2015, kita telah membimbing lebih 200 kakitangan dari agensi-agens kerajaan di melalui bengkel atau taklimat ringkas mengenai pemprosesan arkib bahan. Kami juga memelihara koleksi kami dalam format digital. 1275 bahan telah didigitalkan pada tahun 2015 dan sebahagian daripadany boleh dirujuk di laman web kami.

We had received 241 public records and archives transferred from government agencies. We had supervised and guided the government agencies in their selection and transfer of records to us for permanent preservation. Out of 100,000 records and archives collections, 2,129 of the collections were fumigated in 2015. All records and archives transferred to State Records Repository will be fumigated with herbs technology to ensure the cleanliness of the records and archives and for long term preservation. The records and archives were protected for future generations in whatever format it would take. Processing of records and archives were done by the agencies before transfer to Pustaka Negeri Sarawak, State Records Repository. However, 1,667 records transferred to Pustaka were processed in-house based on archives standard this year. Archives and Records Management System (ARMS) replaced COMPASS in 2015. A total number of 5,005 records have been captured in this system for preservation and retrieval purposes. In 2015, we taught over 200 staff from the government agencies on site or via workshop or short briefing on processing of archives materials. We have also preserved our collections in digital format. 1275 items were digitized in 2015 and some of them are available for viewing in our website.

PENYATA KEWANGAN

FINANCIAL STATEMENT

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN YANG BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN	71
PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB	71
PENYATA Pengerusi dan seorang ahli lembaga pengurusan	72
PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN	73
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA	74
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015	76
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015	77
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015	78
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015	79
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015	80

SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN

PENGERUSI	: YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo
TIMBALAN PENERUSI	: YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani <i>Setiausaha Kerajaan Negeri</i>
AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN	: YBhg. Dr. Haji Abdul Rahman Deen : YBhg. Puan Nafisah Binti Ahmad <i>Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia</i> : YBhg. Datuk Alfred Yap Chin Loi : YBhg. Dr. Rita Manurung : YBhg. Prof. Madya Dr. Shahren Ahmad Zaidi Aduce <i>Universiti Malaysia Sarawak</i>
AHLI EX-OFFICIO	: YBhg. Datu Haji Misnu Haji Taha <i>Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri</i>

PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Ketua Pegawai Eksekutif	: Puan Hajah Rashidah Haji Bolhassan <i>Ketua Pegawai Eksekutif</i>
Alamat Berdaftar	: Jalan Pustaka Off Jalan Stadium Petra Jaya 93250 Kuching Sarawak
Juruaudit	: Ketua Audit Negara
Bank Utama	: RHB (Malaysia) Berhad <i>Jalan Kulas 93400 Kuching</i>

PENYATA PERGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGURUSAN

Kami, TAN SRI DATUK AMAR (DR) HAJI HAMID BUGO dan DR. HAJI ABDUL RAHMAN DEEN yang merupakan pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengurusan PUSTAKA NEGERI SARAWAK, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengurusan, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PUSTAKA NEGERI SARAWAK pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengurusan,



TAN SRI DATUK AMAR (DR) HAJI
HAMID BUGO
Pengerusi
Lembaga Pengurusan

KUCHING, SARAWAK.
Tarikh: 05 APR 2016

Bagi pihak Lembaga Pengurusan,



DR. HAJI ABDUL RAHMAN DEEN
Ahli
Lembaga Pengurusan

KUCHING, SARAWAK.
Tarikh: 28 MAR 2016

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, HAJAH RASHIDAH HAJI BOLHASSAN pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan PUSTAKA NEGERI SARAWAK, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di KUCHING, SARAWAK
pada.....haribulan.....2016

28 MAR 2016

} 
.....

Di hadapan saya,



.....
PESURUHJAYA SUMPAH

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengurusan Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengurusan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Ordinan Badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan), 1995. Lembaga Pengurusan juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit


Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pustaka Negeri Sarawak pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.



(TOIEYAH BINTI HAJI TIOH)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KUCHING

TARIKH: 21 JUN 2016



**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015**

	Nota	2015 RM	2014 RM
ASET			
Loji dan peralatan	4	2,607,720	1,611,179
ASET SEMASA			
Tunai dan kesetaraan tunai	5	26,449,078	28,228,783
Penghutang dan prabayaran	6	682,670	623,953
		27,131,748	28,852,736
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	7	3,151,698	4,747,816
ASET BERSIH SEMASA		23,980,050	24,104,920
		<hr/>	<hr/>
		26,587,770	25,716,099
DIBIAYAI OLEH:			
SURPLUS TERKUMPUL		10,063,961	8,650,759
GERAN PEMBANGUNAN	8	16,523,809	17,065,340
		<hr/>	<hr/>
		26,587,770	25,716,099

Nota-nota pada muka surat 80-89 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
Hasil kendalian	9	6,733	11,126
Lain-lain hasil	10	1,211,824	1,158,293
Geran Kerajaan Negeri		19,000,000	16,500,000
Kos pekerja	11	(7,446,347)	(6,702,012)
Susutnilai		(491,528)	(271,137)
Lain-lain kos operasi	12	(10,867,480)	(9,579,541)
Surplus bersih daripada operasi		<u>1,413,202</u>	<u>1,116,729</u>

Nota-nota pada muka surat 80-89 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Geran Pembangunan RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2015	17,065,340	8,650,759	25,716,099
Diterima dalam tahun semasa	2,790,500	-	2,790,500
Dibelanja dalam tahun semasa	(3,332,031)	-	(3,332,031)
Surplus bersih untuk tahun semasa	-	1,413,202	1,413,202
Pada 31 Disember 2015	16,523,809	10,063,961	26,587,770
Pada 1 Januari 2014	17,261,242	7,534,030	24,795,272
Diterima dalam tahun semasa	4,049,000	-	4,049,000
Dibelanja dalam tahun semasa	(4,244,902)	-	(4,244,902)
Surplus bersih untuk tahun semasa	-	1,116,729	1,116,729
Pada 31 Disember 2014	17,065,340	8,650,759	25,716,099

Nota-nota pada muka surat 80-89 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	2015 RM	2014 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Surplus dari operasi		1,413,202	1,116,729
Pelarasan untuk:			
Susutnilai		491,528	271,137
Penyelarasan – Pelupusan aset tidak dapat di masukkan ke bahagian pelupusan dalam "Fixed Asset Movement"		-	(2,390)
Kerugian daripada loji & peralatan yang dilupuskan		3,045	215
<i>Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja</i>		<u>1,907,775</u>	<u>1,385,691</u>
Kurangan dalam penghutang (Kurangan)/Tambahan dalam pemiutang		(58,717)	(134,588)
<i>Tunai bersih dari aktiviti operasi</i>		<u>(1,596,118)</u>	<u>908,303</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian loji dan peralatan		(1,491,114)	(1,328,288)
Perbelanjaan pembangunan		(3,332,031)	(4,244,902)
<i>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</i>		<u>(4,823,145)</u>	<u>(5,573,190)</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Geran Pembangunan diterima		2,790,500	4,049,000
<i>Tunai bersih dari aktiviti pembiayaan</i>		<u>2,790,500</u>	<u>4,049,000</u>
(Kurangan)/Tambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		(1,779,705)	635,216
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		28,228,783	27,593,567
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	5	<u>26,449,078</u>	<u>28,228,783</u>

Nota-nota pada muka surat 80-89 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

1. AKTIVITI UTAMA

Di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999 – (Chapter 19)" Pustaka Negeri Sarawak berperanan seperti berikut:-

- (a) Menyediakan maklumat terkini, tepat, sesuai dan mudah diakses dalam pelbagai format sebagai bahan utama untuk perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial Negeri dan warganya.
- (b) Membangun dan menyumbang kepada pangkalan data bibliografi yang sesuai dengan bahan rujukan yang diterbitkan di Sarawak.
- (c) Menjadikan Pustaka sebagai pembekal maklumat Negeri Sarawak.
- (d) Menyertai rangkaian perpustakaan dan perkhidmatan maklumat diperingkat nasional dan antarabangsa.
- (e) Menyediakan persekitaran pembelajaran melalui program dan pameran yang dianjurkan supaya dapat menambah kesedaran tentang kepentingan perkhidmatan maklumat dan mengajar tentang kemahiran penyelidikan maklumat.
- (f) Mengurus dan mentadbir Depositori Negeri dan berfungsi sebagai Pusat Rekod Awam Negeri juga.
- (g) Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara arkib awam Negeri.
- (h) Mempromosi amalan pengurusan rekod dan arkib Negeri secara efektif dan efisien.
- (i) Menubuhkan, menyelenggara dan mengurus pusat rekod.
- (j) Menyedia latihan dan tunjuk ajar dalam pengurusan rekod awam dan arkib awam.

2. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pengurusan risiko kewangan Pustaka adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan operasi di samping menguruskan kadar faedahnya dan kecairan. Pustaka beroperasi dengan garis panduan jelas mengikut "*The Sarawak State Library Ordinance, 1999*". Pustaka juga tidak mengambil bahagian dalam transaksi spekulasi.

(a) Risiko Kadar Faedah

Risiko utama kadar faedah berhubung hutang faedah, memandangkan Pustaka tidak mempunyai jumlah besar aset berfaedah jangka panjang pada 31 Disember 2015. Pelaburan dalam aset kewangan pada lazimnya untuk jangka pendek dan ianya tidak dipegang atas tujuan spekulasi.

(b) Risiko Kecairan

Pustaka sentiasa menguruskan profil hutang matang, aliran tunai operasi dan kesediaan bantuan kewangan untuk memastikan bahawa semua keperluan bayaran balik dan bantuan kewangan dapat dipenuhi. Sebagai pengurusan kecairan berhati-hati, Pustaka telah mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memenuhi permintaan modal kerja. Pustaka juga berusaha untuk mengekalkan kedudukan kecairan pada tahap yang munasabah kepada keseluruhan kedudukan hutangnya.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan mematuhi *Private Entity Accounting Standards* yang digunapakai oleh *Malaysian Accounting Standard Board (MASB)*.

(b) Buku Perpustakaan

Buku perpustakaan tidak dipermodalkan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(c) Loji Dan Peralatan

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai. Susutnilai diperuntukan mengikut kaedah-kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos setiap harta di sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Kaedah pengiraan susutnilai telah diubah dari asas tahunan ke asas bulanan mulai dari tahun 2001.

Loji dan peralatan diturunkan nilai pada amaun yang boleh didapatkan balik jika amaun yang boleh didapatkan balik kurang dari nilai buku bersih. Amaun yang boleh didapatkan balik adalah lebih tinggi dari harga jualan aset bersih dan amaun yang digunakan.

Kadar-kadar tahunan susutnilai adalah seperti berikut:-

Kelengkapan Pejabat	20%
Perabot & Peralatan	10%
Komputer & Aksesori	20%
Kenderaan	20%
Pengubahsuaian Bangunan	10%

(d) Geran Operasi

Geran Operasi diterima untuk aktiviti operasi atau penyelenggaraan aktiviti-aktiviti dan dikredit ke Penyata Pendapatan.

(e) Geran Pembangunan

Geran Pembangunan diterima untuk aktiviti projek pembangunan atau penyelenggaraan projek pembangunan dan dikredit ke Geran Pembangunan.

(f) Cukai Tertanggung

Peruntukan dibuat berdasarkan kaedah liabiliti untuk cukai tertanggung disebabkan perbezaan masa, kecuali ada kemungkinan perbezaan masa akan berterusan pada masa hadapan. Perbezaan masa yang menyebabkan baki cukai tertanggung didebitkan tidak akan dicatat melainkan ada jangkaan yang munasabah untuk merealisasikannya.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

(g) Kemudahan Kakitangan

Kemudahan jangka pendek untuk kakitangan

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar serta cuti sakit, bonus dan faedah/kemudahan bukan dalam bentuk wang untuk kakitangan adalah diambil kira di dalam tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan Pustaka.

Pelan caruman tetap

Caruman Pustaka kepada skim/kumpulan wang tetap adalah dicajkan kepada penyata pendapatan di dalam tempoh di mana ia berlaku. Tanggungan Pustaka adalah dianggap tamat sebaik pembayaran caruman dibuat.

Menurut peruntukan undang-undang, agensi-agensi di Malaysia perlu membuat caruman kepada Skim Pencen sama ada Kumpulan Wang Amanah Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman-caruman tersebut dianggap sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan di dalam tempoh di mana ia berlaku.

4. LOJI DAN PERALATAN

Tahun 2015	Kelengkapan Pejabat (RM)	Perahot & Peralatan (RM)	Komputer & Aksesori (RM)	Kenderaan (RM)	Pengubahsuaian Bangunan (RM)	Jumlah (RM)
Kos						
Pada 1.1.2015	1,840,288	509,641	680,528	256,930	93,105	3,380,492
Tambahan	113,411	51,988	1,153,028	172,687	-	1,491,114
Pelupusan	(36,695)	(6,400)	(13,598)	-	-	(56,693)
Pada 31.12.2015	1,917,004	555,229	1,819,958	429,617	93,105	4,814,913
Susutnilai Terkumpul						
Pada 1.1.2015	1,072,435	287,618	135,971	243,834	29,455	1,769,313
Tambahan	207,266	34,790	214,375	27,087	8,010	491,528
Pelupusan	(36,692)	(3,360)	(13,596)	-	-	(53,648)
Pada 31.12.2015	1,243,009	319,048	336,750	270,921	37,465	2,207,193
Nilai Buku Bersih Pada 31.12.2015	673,995	236,181	1,483,208	158,696	55,640	2,607,720
Tahun 2014						
Kos						
Pada 1.1.2014	1,115,276	441,488	192,880	256,930	93,105	2,099,679
Tambahan	766,153	74,487	487,648	-	-	1,328,288
Pelupusan	(41,141)	(6,334)	-	-	-	(47,475)
Pada 31.12.2014	1,840,288	509,641	680,528	256,930	93,105	3,380,492
Susutnilai Terkumpul						
Pada 1.1.2014	938,063	263,997	100,130	224,192	21,444	1,547,826
Tambahan	177,692	29,951	35,841	19,642	8,011	271,137
Pelupusan	(43,320)	(6,330)	-	-	-	(49,650)
Pada 31.12.2014	1,072,435	287,618	135,971	243,834	29,455	1,769,313
Nilai Buku Bersih Pada 31.12.2014	767,853	222,023	544,557	13,096	63,650	1,611,179

Semua loji dan peralatan yang dibeli dan diserahkan kepada Pustaka oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan agensinya tidak diambil kira dalam penyata kewangan di atas kecuali yang dibeli oleh Pustaka sahaja.

5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2015 RM	2014 RM
Wang tunai	278	10,280
Tunai di bank	518,041	1,067,578
Simpanan tetap di bank berlesen	25,930,759	27,150,925
	<hr/>	<hr/>
Jumlah	<u>26,449,078</u>	<u>28,228,783</u>

6. PENGHUTANG DAN PRABAYARAN

	2015 RM	2014 RM
Penghutang	271,110	251,243
Prabayaran :		
Insuran	205,213	169,574
"On-line Database & Magazine"	68,197	88,248
Lain-lain prabayaran	138,150	114,888
	<hr/>	<hr/>
Jumlah	<u>682,670</u>	<u>623,953</u>

7. PEMIUTANG

	2015 RM	2014 RM
Lain-lain pemiutang	2,484,541	3,514,627
Deposit dan wang tahanan	667,157	1,233,189
	<hr/>	<hr/>
Jumlah	<u>3,151,698</u>	<u>4,747,816</u>

8. GERAN PEMBANGUNAN

Tahun 2015	Baki 1.1.2015 (RM)	Terimaan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki 31.12.2015 (RM)
(a) Latihan & Pembangunan Sumber Manusia	77,054	137,500	207,457	7,097
(b) Pembangunan Koleksi Am	1,513,881	2,000,000	2,312,035	1,201,846
(c) Pembangun koleksi Am Perpustakaan Awam	22	-	22	-
(d) Pembangunan Taman Awam & Landskap	314,401	175,000	286,402	202,999
(e) Pustaka Sibul *	14,961,360	-	31,514	14,929,846
(f) Pemuliharaan Bahan-bahan arkib & program	198,522	293,000	366,934	124,588
(g) "Digitising Equipment for Microfilms"	100	-	-	100
(h) "Research On The Reading Habits"	-	185,000	127,667	57,333
Jumlah	17,065,340	2,790,500	3,332,031	16,523,809

Tahun 2014	Baki 1.1.2014 (RM)	Terimaan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki 31.12.2014 (RM)
(a) Latihan & Pembangunan Sumber Manusia	15,579	137,500	76,025	77,054
(b) Pembangunan Koleksi Am	1,353,188	2,000,000	1,839,307	1,513,881
(c) Pembangun koleksi Am Perpustakaan Awam	22	-	-	22
(d) Pembangunan Taman Awam & Landskap	305,292	175,000	365,891	314,401
(e) Pustaka Sibul *	14,961,360	-	-	14,961,360
(f) Pemuliharaan Bahan-bahan arkib & program	425,801	546,500	773,779	198,522
(g) "Digitising Equipment for Microfilms"	-	1,190,000	1,189,900	100
Jumlah	17,261,242	4,049,000	4,244,902	17,065,340

* Nilai skim yang diluluskan bagi RMK10 untuk projek pembinaan Pustaka Sibul adalah sebanyak RM25,000,000

9. HASIL KENDALIAN

	2015 RM	2014 RM
Yuran keahlian dan tahunan	6,540	9,133
Servis maklumat niaga	193	1,993
Jumlah	6,733	11,126

10. LAIN-LAIN HASIL

	2015 RM	2014 RM
Denda	23,165	21,217
Auditorium	69,215	58,190
Bilik seminar/mesyuarat/diskusi/konferan	95,162	96,942
Galeri pameran	56,550	52,050
Kafeteria dan kedai buku	36,100	26,600
Faedah dari simpanan semasa dan tetap	813,229	757,093
Lain-lain hasil	118,403	146,201
	<hr/>	<hr/>
Jumlah	1,211,824	1,158,293

11. KOS PEKERJA

	2015 RM	2014 RM
Gaji dan elaun	6,240,093	5,629,359
KWSP	831,274	772,047
PERKESO	17,168	19,487
Subsidi	127,738	121,032
Pakaian seragam	38,525	40,394
Perubatan	191,549	119,693
	<hr/>	<hr/>
Jumlah	7,446,347	6,702,012
Bilangan kakitangan	151 orang	149 orang

12. LAIN-LAIN KOS OPERASI

	2015 RM	2014 RM
Pengawal keselamatan	737,262	709,528
Perbelanjaan pejabat	639,492	580,518
Pengangkutan dan perjalanan	318,713	348,448
Pencetakan	159,213	119,893
Penyelenggaraan <i>Security System Tag</i>	112,200	106,681
Penyelenggaraan bangunan	1,080,816	916,755
Elaun Ahli Lembaga Pengurusan	84,000	82,700
Keraian dan jamuan awam	167,758	99,900
Latihan	343,203	226,140
Insuran	320,677	299,937
Letrik	1,148,280	1,047,452
Air	34,056	28,323
Telefon	92,412	85,000
Perhubungan awam & pemasaran	104,148	78,570
Honorarium	11,210	6,942
Pembersihan bangunan	346,700	278,570
Sewa	55,787	28,511
Yuran professional	5,824	4,604
Penyelenggaraan taman & landskap	439,825	321,504
Yuran audit	3,000	3,000
<i>Online Database</i>	549,433	499,081
Majalah dan Jurnal	284,998	288,732
Penyelenggaraan koleksi	12,737	70,344
<i>Acquisition of Sarawakiana materials</i>	159,977	73,946
Perbelanjaan "BIS"	-	9,977
Servis komunikasi awam	43,288	36,913
<i>Legal Deposit</i>	115,344	118,596
<i>Record Management</i>	187,746	138,614
<i>Archive Management</i>	271,852	249,119
Kempen membaca	136,412	99,126
<i>Outreach programmes</i>	75,211	47,947
<i>Leasing/ rental of multimedia computers</i>	201,128	224,312
<i>Angkasa Library System Maintenance</i>	150,000	150,000
<i>ICT professional services</i>	220,000	252,000
<i>Sup & Maint. Of Platform Equip.</i>	200,075	200,000
<i>Dedicated Internet Access</i>	110,000	98,000
<i>Support & Maint. of wireless LAN</i>	100,000	95,202
<i>Sup. & Maint. SRR Platform Equip.</i>	86,187	98,926
<i>Maint. Union Catalogue Sarawak</i>	168,681	168,423
<i>Support & Maint. CCTV, FingerPrint.</i>	61,449	79,967
<i>Angkasa Library Syst. Perpustakaan Awam</i>	204,199	216,379
<i>State KM Portal</i>	126,226	130,000
Lain-lain perbelanjaan	1,197,961	860,961
Jumlah	10,867,480	9,579,541

13. PERCUKAIAN

Peruntukan cukai

Kementerian Kewangan di bawah Seksyen 127 (3)(b) telah memberi pengecualian cukai pendapatan kepada Pustaka Negeri Sarawak berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1999.

Cukai tertangguh

Peruntukan sementara amaun boleh cukai/dibenarkan sebagai tolakan cukai adalah tidak matan untuk diambil kira sebagai aset/liabiliti cukai tertangguh.

14. ANGKA PERBANDINGAN

Pembentangan dan pengkelasan angka perbandingan bagi penyata kewangan tahun semasa adalah konsisten dengan tahun kewangan sebelumnya.



PUSTAKA NEGERI SARAWAK (SARAWAK STATE LIBRARY)

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium, 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia
Tel: 6 082 442000 Fax: 6 082 449944 Email: librarian@sarawak.gov.my

www.pustaka-sarawak.com